



ATUR CARA **MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 38** 24 JUN 2023 (SABTU)

8.00 pagi

Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang, Pahang Darul Makmur

8.30 pagi

Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan

Aluan Pengacara Majlis

Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Pahang

Bacaan Doa

Ucapan Pentadbir KOSMA
YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron

Mesyuarat Agung dimulakan
(mengikut agenda)

Jamuan Makan/Bersurai

SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	1-2
Kata-kata Aluan	3-7
Maklumat Penting KOSMA	8
Jawatankuasa Pentadbir 2020-2023	9-10
Sorotan Kalendar Sessi 2020-2023	11-40

AGENDA MESYUARAT

1	Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 pada 24 Jun 2023.	41
2	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-37 pada 16 Jun 2019.	42-75
3	Menimbang Laporan Pentadbir bagi tempoh 2020-2023.	76-93
4	Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.	94
5	Menimbang dan Meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2024.	95-103
6	Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.	104
7	Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.	105
8	Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.	106
9	Meluluskan	107
	i. Aturan Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi ii. Aturan Elaun, Saraan dan Kebajikan iii. Aturan Jawatankuasa Audit Dalaman	
10	Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :	108-109
	a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. b. Memilih sembilan (9) orang Anggota Lembaga.	
11	Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.	110

NOTIS MESYUARAT AGUNG

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil (12) KOSMA.KOOP:100-3/19-2023 MAT 38

7 Jun 2023

Kepada : -

Semua Anggota
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 38

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : 24 Jun 2023 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi

**Tempat : Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang
Kampus Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.**

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut :
 - 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 pada 24 Jun 2023.
 - 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-37 pada 16 Jun 2019.
 - 2.3 **Menimbang** Laporan Pentadbir bagi tempoh 2020 - 2023.
 - 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.
 - 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2023 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2024.
 - 2.6 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
 - 2.7 **Menentukan** Had Maksimum Keterutangan Koperasi.

- 2.8 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.
- 2.9 **Meluluskan**
- Aturan Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
 - Aturan Elaun, Saraan dan Kebajikan
 - Aturan Jawatankuasa Audit Dalaman
- 2.10 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
- Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
 - Memilih** sembilan (9) orang Anggota Lembaga.
- 2.11 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.
2. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 16 Jun 2023 jam 12.00 tengah hari.**

'MAJU BERSAMA KOPERASI'

Aspirasi Kegemilangan,

DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON

Pentadbir
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang



Kata Alu-Aluan YAB Menteri Besar Pahang

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan 2021-2022 ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada KOSMA yang berterusan mencipta kecemerlangan serta keuntungan di dalam mengurus tadbir koperasi ini yang melibatkan sektor perladangan, perhotelan serta pelaburan.

Apa yang membanggakan, meskipun kita dibelenggu dengan penularan COVID-19 sebelum ini, KOSMA masih berupaya untuk menghasilkan keuntungan terutamanya menerusi sektor perladangan.

Berdasarkan perolehan atau hasil sektor perladangan untuk tahun 2022, KOSMA telah mencapai hasil pendapatan berjumlah RM237 juta berbanding RM222 juta pada tahun 2021.

Manakala, keuntungan bersih KOSMA pada tahun 2022 berjumlah RM84 juta berbanding RM74 juta pada tahun 2021. Keuntungan ini memberi manfaat kepada 1,430 anggota koperasi ini.

Malah, jumlah agihan dividen yang dibayar oleh KOSMA bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM30.4 juta dan pembahagian keuntungan unit ladang pula berjumlah RM30.2 juta.

Sesungguhnya KOSMA merupakan antara koperasi terbaik di Negeri Pahang dan menjadi contoh kepada koperasi-koperasi yang lain terutamanya dalam soal pengurusan yang baik, sistematik dan teratur.

Saya berharap KOSMA akan terus berdaya saing dalam memastikan semua sektor ekonomi yang diceburi akan mendatangkan keuntungan yang mampu meningkat setiap tahun di mana hasilnya nanti akan dapat dikongsi bukan sahaja oleh anggota KOSMA tetapi juga oleh mereka yang memerlukan.

Selamat maju jaya dan tahniah kepada pihak pengurusan serta kakitangan KOSMA. Sekian, terima kasih.

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL, SSAP, SUMW, DSAP, DIMP, SMP, AMP.



Kata Alu-Aluan Yang Berbahagia Timbalan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2021-2023 yang merupakan sebuah laporan bagi memberi gambaran perjalanan dan pencapaian aktiviti-aktiviti KOSMA sepanjang dua tahun. Tahniah saya ucapkan kerana berjaya mengadakan mesyuarat agung tahunan pada tahun 2023 ini.

Tahun 2020 hingga 2022 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran untuk KOSMA bukan sahaja dalam keadaan negara dilanda wabak pandemik Covid-19 yang mengekang pelbagai urusan dan aktiviti KOSMA. Walau bagaimanapun, pentadbir yang dilantik oleh SKM telah berusaha dengan jayanya menjalankan amanah bagi memastikan pentadbiran dan perjalanan aktiviti perniagaan KOSMA terus berjalan dengan lancar.

Alhamdulillah, pentadbiran dan pengurusan aktiviti KOSMA tidak terjejas malahan semakin berkembang dengan perolehan bagi setiap aktiviti perniagaan semakin meningkat setiap tahun berbanding tahun 2019. Saya juga difahamkan tahun 2022 merupakan pendapatan koperasi terbesar yang berjaya direkodkan di Negeri Pahang.

Pada masa ini, gerakan koperasi perlu menerima hakikat bahawa ledakan ekonomi sangat akan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi persekitaran. Melangkah ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia dan global yang dalam pemulihan, sektor koperasi perlu meningkatkan keupayaan dan bijak merebut peluang untuk turut terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi yang berimpak tinggi.

Saya amat berbesar hati dengan konsep yang dibawa oleh pihak KOSMA yang bukan sahaja kukuh di dalam aktiviti perladangan, malahan turut menceburi bidang perhotelan, pelaburan dan perkhidmatan kewangan. Saya yakin dan percaya bahawa KOSMA akan terus bergerak maju dan menjadi koperasi contoh yang disegani bukan sahaja di Negeri Pahang malahan di peringkat Nasional.

Seterusnya, saya menyeru seluruh anggota KOSMA khususnya barisan kepimpinan yang dipilih agar terus menyemai semangat kekitaan dan kebersamaan agar keharmonian organisasi dapat dipertingkatkan untuk menjamin kestabilan dan kelestarian koperasi. Meningkatkan ukhwah dan muafakat agar dapat menjalin semangat perpaduan dalam kalangan anggota koperasi.

Saya juga mengambil kesempatan ini mendoakan agar KOSMA terus maju jaya. Sekian.


DATUK UMAR SARIM BIN SAIDIN, PGDK.



Kata Alu-Aluan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera & Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, laporan tahunan dan mesyuarat agung tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) dapat diadakan pada tahun ini dengan jayanya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pentadbir KOSMA yang dilantik bagi pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), serta seluruh pengurusan dan kakitangan KOSMA atas segala usaha dan komitmen yang diberikan sepanjang tahun 2021 hingga 2023 dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab pentadbiran KOSMA sewaktu dalam tempoh pengambilalihan selama ini.

Asas kekuatan dan kekuahan sesebuah koperasi adalah anggotanya. Keharmonian dan perpaduan di kalangan anggota tunjang kestabilan koperasi. Saya ingin menyeru kepada semua anggota terutamanya mereka yang bakal dilantik sebagai anggota Lembaga KOSMA agar sentiasa menerapkan aspek keharmonian, integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan hak dan tanggungjawab yang telah diamanahkan supaya tatakelola dan perjalanan segala aktiviti koperasi dapat berjalan dengan lancar dan sebaiknya.

Saya berharap agar visi dan misi KOSMA dapat dicapai dengan komitmen dan kerjasama yang konsisten daripada seluruh pihak secara berterusan. Diharapkan sejarah pengambilalihan kawalan dan penyerahan semula melalui mesyuarat agung tahunan pada kali ini menjadi titik tolak kepada kemajuan tadbir urus serta kejayaan yang lebih besar buat KOSMA.

Laporan tahunan KOSMA 2023 ini merupakan satu dokumentasi yang memaparkan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021 hingga 2023 oleh pentadbir dan barisan pengurusan KOSMA, walaupun berhadapan dengan norma baharu bukan sahaja berkaitan fasa pengambilalihan malahan penularan pandemik covid-19. Laporan Tahunan ini diterbitkan sebagai wadah tatapan hasil usaha, penambahbaikan dan pencapaian aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan.

Akhir kata, saya berharap agar semua anggota dan pengurusan KOSMA dapat sama-sama memberikan komitmen yang tinggi terhadap hak dan tanggungjawab berkoperasi dan sentiasa bersedia dalam mendepani pelbagai cabaran yang mendarat. Saya turut mendoakan agar KOSMA terus berada dalam suasana harmoni, kekal stabil dan terus mencipta kejayaan yang lebih cemerlang.

Sekian, Semoga terus cemerlang.


IBRAHIM BIN HUSAIN



Kata Alu-Aluan Pentadbir Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

Bismillahirahmannirrahim
Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan rahmatNya, sekali lagi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali yang ke-38 tahun 2023 ini. Walaupun mesyuarat kali ini terpaksa dilewatkhan sehingga Jun 2023, berikutan masalah pengambilalihan oleh Pentadbir dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), namun Pentadbir sangat komited untuk memastikan mesyuarat ini dapat dijayakan sebaiknya mengikut peraturan yang ditetapkan.

Seperti yang telah sedia maklum, agenda utama pada Mesyuarat Agung Kosma pada hari ini adalah untuk memilih Anggota Lembaga KOSMA bagi mengganti Pentadbir yang telah mengambilalih dan memimpin KOSMA selama dua (2) tahun. Ahli Lembaga KOSMA yang bakal dipilih ini yang akan meneruskan tadbir urus perjalanan koperasi seterusnya. Saya amat percaya anggota-anggota menggunakan kuasa yang ada untuk memilih dan mengundi calon yang mampu untuk membawa KOSMA agar teguh dan cemerlang sepanjang masa. Saya juga berharap episod duka, pertelingkahan antara sesama anggota juga dapat diselesaikan dengan cara baik dan berhemah. Koperasi adalah hak anggota dan seharusnya dijaga dengan baik. Saya yakin KOSMA mampu kembali kepada kedudukan 10 koperasi terbaik didalam negeri Pahang dan 10 koperasi terbaik di Malaysia yang pernah dicapai oleh KOSMA tidak lama dahulu.

Saya sebagai Pentadbir melihat KOSMA adalah sebuah koperasi yang sangat cemerlang dan berwibawa. Penambahbaikan dari segi tadbir urus, sistem kewangan, perolehan dan perlادangan diharap dapat membantu Koperasi kembali ke landasan asal maksud penubuhannya. Dalam tempoh tahun kewangan 2022, keuntungan KOSMA telah meningkat sebanyak RM237 juta berbanding RM222 juta pada tahun 2021. Diantara faktor utama peningkatan ini adalah disebabkan oleh harga BTB yang baik pada tahun 2022 dengan purata harga RM1,035/mt berbanding RM944/mt pada tahun 2021. Pola harga yang menaik adalah bermula tahun 2021 sehingga tahun 2022. Dengan keuntungan yang lebih baik ini, kadar dividen modal syer dan unit ladang yang diagihkan kepada anggota-anggota adalah lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya, malahan adalah terbaik sejak penubuhan KOSMA. Tahniah diucapkan.

Untuk makluman anggota-anggota, perniagaan lain KOSMA seperti KOSMA Boutique Hotel dan KOSMA Business Hotel yang diuruskendali oleh KOSMA Tourism Sdn Bhd juga telah semakin meningkat maju dan memberi sumbangan keuntungan bagi tahun 2022. Malahan kedua-dua hotel ini tetap beroperasi sepanjang tempoh pandemik covid 19 untuk essential service.

Begitu juga dengan Perniagaan Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) KOSMA pula turut telah mencatat keuntungan yang memberangsangkan. Justeru, KOSMA dengan penuh harapan diharapkan akan terus menumpukan kepada usaha-usaha bagi mencatatkan peningkatan pendapatan serta menerokai bidang-bidang perniagaan baharu. Kejayaan ini hanya akan dicapai sekiranya sokongan dan kerjasama yang berterusan diberikan oleh para Anggota Lembaga sendiri, anggota serta komitmen penuh dari pasukan pengurusan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat bermesyuarat sekali lagi dan menyeru kepada semua anggota-anggota KOSMA agar terus memberi sokongan padu yang berterusan dalam-menempuh cabaran-cabaran di dalam halatuju koperasi ini, demi kemakmuran sosio ekonomi kita bersama.

DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON, DIMP.

MAKLUMAT PENTING KOSMA

JAWATANKUASA PENTADBIR

(17 November 2020 - 25 Mac 2023)

Pentadbir

YH. Dato' Zahari bin Abdul Aziz,
DIMP.
(17 November 2020 - 25 Mac 2023)

Penolong/Timbalan Pentadbir

Encik Radiatul Fitri bin Dollah
(23 November 2020 - 15 Mac 2022)

Penolong/Timbalan Pentadbir

Puan Shahirah binti Mohamad
(23 November 2020 - 16 Februari 2021)

Wakil Kerajaan

- Y.B. Dato' Sri Dr Sallehuddin bin Ishak., SSAP., SIMP., DIMP., PJN., JSM., PJK.
(15 Disember 2020 - 22 Mac 2023)
- Y.B. Dato' Saiful Edris bin Zainuddin, DSAP.
(23 April 2021 - 23 Mac 2023)
- Y.H. Dato' Haji Md Yusli bin Ibrahim Mohd Yunus, DIMP., AAP.
(15 Disember 2020 - 23 Mac 2023)

Pentadbir

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron,
DIMP.
(26 Mac 2023 - 24 Jun 2023)

MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

Pengurus Besar

Encik Mohd Shafirun bin Mohd Azba
(8 Oktober 2018 - 20 Januari 2023)

Pengurus Kewangan

Puan Razlina bt Mohd Radzil
(30 Disember 2020 - 26 Januari 2023)

Pengurus Pentadbiran

Puan Norhanisah bt Jaafar

Pengurus Risiko Dan Kawalan Dalaman

Encik Abdul Ghafar bin Hussin

Eksekutif Kanan Kewangan

Encik Rohisan bin Yaakob
(Menanggung Tugas
Pengurus Kewangan)

Pengurus Kanan

Perludangan

Encik Yusof bin Jaafar
Haji Kamarudin Ariffin bin Idris
(Sehingga 02 Oktober 2022)

Pengurus-Pengurus di Ladang

Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar
Encik Mohd Shahril bin Abdullah
Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi
Encik Hamzah bin Abdullah
(Pegawai Penjaga)
Encik Mohd Yassin bin Ali
(Penolong Pengurus Kanan)
Encik Dicky Harrys bin Jamin
(Penolong Pengurus Kanan)

ALAMAT BERDAFTAR KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek,
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Holdings Sdn Bhd
(100%)
KOSMA Tourism Sdn Bhd
(100%)

SYARIKAT USAHASAMA MENGURUSKAN KILANG KOSMA

(Wujud Wawasan Sdn Bhd)
KOSMA 49%
Kilang Wujud Wawasan Sdn Bhd 51%

YAYASAN KOSMA

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar
bin Haji Ibahim
Pengerusi Lembaga Pemegang
Amanah Yayasan KOSMA

BANK-BANK

1. Bank Muamalat (M) Berhad
2. CIMB Islamic Bank Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. RHB Bank Berhad
5. Bank Kerjasama Rakyat Berhad

KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
Modal Syer - RM1,025,665
(sehingga Disember 2022)
2. Co-opbank Pertama
Modal Syer - RM1,639,004.25
(sehingga Disember 2022)
3. Konsortium Penyelaras Koperasi Negeri Pahang Berhad
Modal Syer - RM20,000
(sehingga Disember 2022)

JURUAUDIT LUAR

Tetuan Afrizan & Associates
No 2, Jalan Rampai Niaga 2
Rampai Business Park
53300 Kuala Lumpur

AUDIT FORENSIK

Tetuan Syam & Co
No. 5b, 3B Curve Business Park
Jalan Medan Pusat 2D, Pusat
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
(Mulai 1 Disember 2021 - 28 Februari 2022)

PEGUAM

Tetuan Amar Syiimir Izzat & Sham
C-09-06 Plaza Mont Kiara,
Mont Kiara, 50480 Kuala Lumpur

KONSULTAN PENGURUSAN

Active Impact Consulting Sdn Bhd
No 25, Jalan Eco Grandeur 3/2F
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor Darul Ehsan
(Mulai Jun 2022 - Oktober 2022, Sambungan November 2022 - Mac 2023)

JAWATANKUASA PENTADBIR

(17 NOVEMBER 2020 – 25 MAC 2023)



1



2



3



4



5

1 YH. Dato' Zahari bin Abdul Aziz, DIMP.
(17 November 2020 – 25 Mac 2023)

PENTADBIR

2 YB. Dato' Sri Dr Sallehuddin bin Ishak,
SSAP, SIMP, DIMP, PJN, JSM, PJK.
(15 Disember 2020 – 22 Mac 2023)

JAWATANKUASA PENTADBIR

3 YB. Dato' Saiful Edris bin Zainuddin, DSAP.
(23 April 2021 – 23 Mac 2023)

JAWATANKUASA PENTADBIR

4 YH. Dato' Haji Md Yusli bin Ibrahim Mohd Yunus, DIMP, AAP.
(15 Disember 2020 – 23 Mac 2023)

JAWATANKUASA PENTADBIR

5 Encik Radiatul Fitri bin Dollah
(23 November 2020 – 15 Mac 2022)

PENOLONG/TIMBALAN PENTADBIR

PENTADBIR

(26 MAC 2023 – 24 JUN 2023)



PENTADBIR
YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, DIMP.

SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

30 DISEMBER 2020
MAJLIS APRESIASI KAKITANGAN KOSMA 2020



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

31 DISEMBER 2020
MAJLIS APRESIASI PEKERJA LADANG KOSMA 2020



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**28 APRIL 2021
PENGUMUMAN DIVIDEN SYER DAN UNIT LADANG KOSMA
BAGI TAHUN 2020**



**18 OGOS 2021
PROGRAM VAKSINASI KOSMA DOS PERTAMA
(MUADZAM SHAH)**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**19 OGOS 2021
PROGRAM VAKSINASI KOSMA DOS PERTAMA
(ROMPIN)**



**08 SEPTEMBER 2021
PROGRAM VAKSINASI KOSMA DOS KEDUA
(MUADZAM SHAH)**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**09 SEPTEMBER 2021
PROGRAM VAKSINASI KOSMA DOS KEDUA
(ROMPIN)**



**09 SEPTEMBER 2021
PERBINCANGAN BERKENAAN CUKAI TANAH BERSAMA
PEGAWAI DAERAH ROMPIN**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**10 OKTOBER 2021
PROGRAM VAKSINASI KOSMA DOS KETIGA
(MUADZAM SHAH)**



**16 OKTOBER 2021
HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KOSMA**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

01 DISEMBER 2021 PENYERAHAN VAN JENAZAH (KG. DESA MURNI)



06 DISEMBER 2021 BENGKEL TEKNIKAL MEKANISASI LADANG 2021



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

31 DISEMBER 2021
MAJLIS APRESIASI KOSMA 2021



31 DISEMBER 2021
BICARA TOKOH BERSAMA DATO HAJI ZAZALI BIN HARON
(PENGERUSI EKSEKUTIF SKM)



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

17 JANUARI 2022

MAJLIS PERASMIAN INDONESIAN COMMUNITY CENTRE (ICC)
DI PERLADANGAN KOSMA OLEH
HIS EXCELLENCY HERMONO,DUTA BESAR LUAR BIASA &
BERKUASA PENUH REPUBLIK INDONESIA UNTUK MALAYSIA



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

20 JANUARI 2022
MAJLIS APRESIASI PEKERJA LADANG KOSMA 2021



20 JANUARI 2022
MAJLIS PERSARAAN ENCIK ZAHARIN BIN ABU SAMAH



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

22 JANUARI 2022
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA PEMENANG
PROGRAM KURUS UNTUK SIHAT



25 JANUARI 2022
MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN 2021



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

17 FEBRUARI 2022
LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE ARKIB NEGARA (KUANTAN)



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**26 FEBRUARI 2022
PROGRAM VAKSIN PENGGALAK (BOOSTER)
DI KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA**



**23 MAC 2022
LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE UNIT PENGURUSAN FAIL &
REKOD DI KPDNHEP & JPN PUTRAJAYA**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023


29 MAC 2022

MAJLIS CERAMAH BERKAITAN INTEGRITI DAN PENCEGAHAN AMALAN RASUAH DI TEMPAT KERJA DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



13 APRIL 2022

PENGUMUMAN DIVIDEN SYER DAN UNIT LADANG KOSMA BAGI TAHUN 2021



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

18 APRIL 2022
MAJLIS PENYERAHAN VAN JENAZAH KEPADA UnIPSAS



25 APRIL 2022
**MAJLIS PENYERAHAN VAN JENAZAH KEPADA
MASJID SARANG TIONG, ROMPIN**



27 APRIL 2022
**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA ANTARA KILANG
KOSFARM SDN BHD DAN KOSMA BAGI KILANG WUJUD WAwasan**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

14 MEI 2022
MAJLIS TOWNHALL PENTADBIR DAN SKM
BERSAMA ANGOTA KOSMA DAERAH KUANTAN



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

18 MEI 2022
MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI 2022
(KOSMA BUSINESS HOTEL)



21 MEI 2022
MAJLIS JAMUAN AIDILFITRI KAKITANGAN DAN PEKERJA KOSMA
(LADANG)



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

24 JUN 2022
HARI KOPERASI NEGARA PERINGKAT NEGERI PAHANG



10 OGOS 2022
**MAJLIS MENANDATANGANI (MOA) MEMBANGUNKAN
LADANG KELAPA SAWIT BAGI PROJEK SKIM TANAH RAKYAT (STR)
TEMBELING JAYA 1 DAN 2 DI ANTARA PSK DAN KOSMA**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

**21 SEPTEMBER 2022
SUKAN MUHIBBAH KOSMA 2022**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

22 SEPTEMBER-2022

**MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KAKITANGAN
KOSMA BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

22 SEPTEMBER 2022

**MAJLIS PERSARAAN DAN PERPISAHAN TUAN HAJI KAMARUDIN ARIFFIN
BIN IDRIS, PUAN NORIZAN BINTI YAHYA, ENCIK JAMHOR BIN MAT TAIB
DAN CIK IEZZAH IBURDANISHA BINTI IBRAHIM**



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

12 OKTOBER 2022
PROGRAM INDUKSI DAN REFRESHER KAKITANGAN KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

09 NOVEMBER 2022
MAJLIS TOWNTOWNHALL KAKITANGAN KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

29 DISEMBER 2022
MAJLIS APRESIASI KAKITANGAN KOSMA 2022



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

06 APRIL 2023

**MAJLIS SERAHAN TUGAS PENTADBIR DATO' ZAHARI BIN ABDUL AZIZ
KEPADА PENTADBIR BARU DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON**



10 APRIL 2023

PENGUMUMAN DIVIDEN SYER DAN UNIT LADANG BAGI TAHUN 2022



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

17 APRIL 2023
MAJLIS IFTAR DAN RAMAH MESRA BERSAMA DATO' PENTADBIR



SOROTAN KALENDAR SESI 2020 - 2023

11 APRIL 2023
**MAJLIS PENYERAHAN VAN SERBAGUNA KEPADA
MASJID TEPIAN PUTRA KUANTAN**



19 APRIL 2023
**MAJLIS PENYERAHAN VAN JENAZAH KEPADA
MASJID AL-MUSTAIN BILLAH KUALA KRAU**



19 APRIL 2023
**MAJLIS PENYERAHAN VAN SERBAGUNA
KEPAD A SEKOLAH MENGENAH AGAMA AL-MAARIF**



PROJEK NAIK TARAF DAN PEMBINAAN JAMBATAN BARU BAGI TAHUN 2022

LADANG GAJAH JINAK



LADANG BUKIT SERLAI



LADANG SUNGAI KEPASING



PROJEK NAIK TARAF DAN PEMBINAAN JAMBATAN BARU BAGI TAHUN 2022

LADANG KOSMA 6



LADANG KOSMA 7



PROJEK NAIK TARAF DAN PEMBINAAN JAMBATAN BARU BAGI TAHUN 2022

LADANG KOSMA 8



LADANG KOSMA 9



■ **AGENDA : 1**
KERTAS BIL : KMA.01/2022

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-38 PADA 24 JUN 2023

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-38 pada 24 Jun 2023.

2.0 MAKLUMAN

Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi : -

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk : -

- 3.1 **Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 38 dan**
- 3.2 **Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Pengurus sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-38.**

**■ AGENDA : 2
KERTAS BIL : KMA.02/2022**

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-37
PADA 16 JUN 2019**

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-37 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-37 pada 16 Jun 2019 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.

DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi

**DATO' HAJAH NAZILAH
BINTI ABD. LATIF**
Timbalan Pengerusi
**DRS. KAMARAZAMAN BIN
HAJI ZAINAL ABIDIN**
Setiausaha
**YH. DATO' HAJI ZAMRI
BIN MOHAMED**
Bendahari
**ZAINAL ASHIKIN
BIN IBRAHIM**
Anggota Jawatankuasa
**MUSTARI ANUAR
BIN SAMAH**
Anggota Jawatankuasa
**AHMAD MUSTAFFA BIN
HAJI ZAINAL ABIDIN**
Anggota Jawatankuasa
**KAMARULZAMAN
BIN HASSAN**
Anggota Jawatankuasa
**ABDULLAH@MOHD NOR
BIN ABD GHAFAR**
Anggota Jawatankuasa
SHAH AMRI BIN AB. AZIZ
Anggota Jawatankuasa

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-37

TARIKH : 16 JUN 2019 (AHAD)

MASA : 9.00 PAGI

**TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
JALAN TELUK SISEK, KUANTAN**

A. KEHADIRAN

1. KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA :-

YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	- Pengerusi
YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman	- Timbalan Pengerusi
YH Dato' Haji Khadri bin Musa	- Setiausaha
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	- Bendahari
YB Dato' Haji Nazri bin Ngah	- Wakil Kerajaan
YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	- Wakil Kerajaan
YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	- Anggota Lembaga
YH Dato' Hajjah Nazilah bt Abd Latif	- Anggota Lembaga
Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	- Anggota Lembaga
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	- Anggota Lembaga
Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah	- Anggota Lembaga

2. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1317 orang, termasuk :

- Anggota Lembaga
- Anggota Mendaftar lewat 12 orang (tidak layak mengundi)

3. TURUT HADIR :-

Tuan Haji Ibrahim bin Kasah	- Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
Encik Khairul Azahar Ariffin Puan Suhaini bt Jantan	{ - Juru Audit Luar KOSMA Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS)

B. BACAAN DOA

Dipimpin oleh Ustaz Mohd Saidin Hadri bin Osman
Imam Masjid Tengku Mahkota Abdullah Al Haj (Masjid KOSMA).

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 37

ALUAN PENGERUSI MESYUARAT

Pengerusi Mesyuarat , YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh, memberi salam dan mengalu-alukan Anggota Lembaga serta semua anggota yang hadir serta mengisyiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 37 dimulakan. Seterusnya beliau mengumumkan sehingga jam 10.23 pagi kehadiran anggota yang mendaftar berjumlah 1,239 orang dan angka ini melebihi dari kuorum yang telah ditetapkan. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah, 1317 orang iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

Sebelum mesyuarat dimulakan, beliau memaklumkan mesyuarat akan dijalankan berdasarkan peraturan mesyuarat dan perlu mengikut agenda yang ditetapkan seperti dinyatakan di dalam notis mesyuarat agung yang telah disusun mengikut keutamaan sebagaimana peraturan mesyuarat. Beliau berharap agar Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini berjalan dengan lancar dan mesyuarat dapat diselesaikan dengan lebih awal. Peraturan yang sedia ada seharusnya telah difahami oleh semua Anggota KOSMA. Tanpa melengahkan masa beliau memulakan mesyuarat dengan pembentangan agenda pertama.

AGENDA 1.0

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 37 PADA 16 JUN 2019 - KMA 01/2018

- 1.1 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2018 (Muka surat 15) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-37 pada 16 Jun 2019 yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (l).
- 1.2 **Encik Azman bin Khadith (Anggota : 1374-A)** mencadangkan mesyuarat agung hari ini tidak dipengerusikan oleh YH Dato' Pengerusi sendiri dengan alasan YH Dato' Pengerusi bertanding sebagai calon Anggota Lembaga pada tahun ini. Rasionalnya ia akan menimbulkan isu "*conflict of interest*". Beliau juga mencadangkan Timbalan Pengerusi KOSMA mempengerusikan Mesyuarat Agung pada hari ini.
- 1.3 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan sejak dulu lagi telah ditetapkan dalam Undang-undang Kecil (UUK). Berdasarkan UUK, Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi KOSMA. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi pula juga dinyatakan sebagai mempengerusikan mesyuarat agung dan Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga KOSMA. Beliau berharap peraturan tersebut tidak dilanggar dan setelah bertahun-tahun

beginilah keadaannya. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim yang telah berbelas kali bertanding juga dan beliau juga yang mempengerusikan mesyuarat. Di sini tidak timbul soal kepentingan dan beliau akan menjadi Penggerusi sebagai Penggerusi yang sebenar untuk menentukan mesyuarat ini berjalan dengan baik.

- 1.4 **Tuan Haji Hamzah Teh bin Mohamed (Anggota : 0186-A)** bersetuju dengan saranan YH Dato' Penggerusi kerana KOSMA perlu mengikut UUK. Tiada peruntukan dalam UUK menyatakan selain dari Penggerusi (kecuali jika beliau sakit atau sebagainya) boleh mempengerusikan mesyuarat agung. Jadi beliau berharap, perkara ini tidak menjadi kekecohan. Bagi beliau Penggerusi bagi sessi 2018/2019 adalah bertanggungjawab bagi mempengerusikan mesyuarat atas apa yang berlaku pada tahun lalu.
- 1.5 **Encik Badaruddin bin Haji Mokhtar (Anggota : 2393)** berharap YH Dato' penggerusi tidak "expose" diri sendiri dan calon-calon lain yang bertanding kerana ia boleh menjadi "*conflict of interest*". Perkara ini juga yang menyebabkan KOSMA ini berpuak-puak.
- 1.6 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan cadangan tersebut diterima sebagai satu pandangan. Beliau masih lagi Penggerusi KOSMA dan belum digugurkan. Insya Allah beliau akan mempengerusikan mesyuarat ini sebaik mungkin.
- 1.7 **Encik Cheong Chok Weng (Anggota : 0679-B)** terlebih dahulu memohon maaf dan menyatakan beliau tidak menyebelahi mana-mana pihak.
 - 1.7.1 Beliau menyatakan, dari segi prinsip, koperasi ini adalah kepunyaan semua anggota. Beliau berpandangan KOSMA harus pandang ke hadapan dan tidak mengimbau pengalaman yang lampau.
 - 1.7.2 UUK perlu dirujuk dan koperasi serta mesyuarat agung ini adalah hak setiap anggota. Satu lagi prinsip yang amat penting bagi semua pemimpin iaitu mengenai isu "*conflict of interest*". Beliau menambah tidak salah jika Timbalan Penggerusi mempengerusikan mesyuarat bagi menunjukkan YH Dato' Penggerusi betul-betul telus dan adil.
- 1.8 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menegaskan KOSMA mempunyai UUK dan ia mestilah dihormati.
- 1.9 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175)** ingin mengambil perhatian semua dan menyatakan berdasarkan kepada UUK 33 (1) yang berbunyi:

Pengerusi Lembaga Koperasi ini hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung. Sekiranya penggerusi tidak hadir, maka timbalan penggerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung itu, dan sekiranya kedua-dua mereka tidak hadir, maka anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang di antara mereka untuk mempengerusikan mesyuarat agung itu.

YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh adalah penggerusi dan beliau juga hadir di mesyuarat pada hari ini. Beliau memohon Pengarah SKM Negeri menyatakan siapa yang akan mempengerusikan mesyuarat hari ini dan ia perlu diterima secara muktamad.

- 1.10 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menyatakan KOSMA perlu merujuk UUK 33 kerana ini merupakan perlembagaan KOSMA. Perkara ini perlu difahami anggota sepenuhnya. YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh masih lagi Pengerusi dan belum digugurkan lagi sehingga agenda berkenaan dibentangkan kelak. Beliau masih lagi bertanggunjawab untuk mengendalikan mesyuarat agung ini. Beliau mohon agar perkara seperti ini dihentikan supaya mesyuarat boleh diteruskan. Insya Allah tidak akan berlaku "conflict of interest" kerana keputusannya tetap bergantung kepada anggota dalam setiap usul yang dikemukakan. Oleh yang demikian, mesyuarat ini diserahkan kepada Pengerusi sebagaimana yang tertakluk dalam UUK KOSMA.
- 1.11 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** membuka semula pembentangan mesyuarat bagi memilih dan melantik enam (6) orang anggota sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung pada hari ini dengan empat (4) orang Lembaga berjawatan termasuk Pengerusi.
- 1.12 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
- 1.12.1 Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623) mencadangkan **Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)**
 - 1.12.2 Encik Suhaimi bin Yaakob (0581-A) mencadangkan **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
 - 1.12.3 Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A) mencadangkan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623)**
 - 1.12.4 Encik Abdullah @ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota: 2094) mencadangkan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
 - 1.12.5 YH Dato' Haji Khadri bin Musa (Anggota: 2212) mencadangkan **Encik Abdullah @ Mohd Nor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094)**
 - 1.12.6 Encik Adzar Esmen bin Bahrum Azhar (Anggota: 2201-A) mencadangkan **Encik Shah Amri bin Ab Aziz (Anggota : 2333)**
- 1.13 Mesyuarat sebulat suara bersetuju pencalonan ditutup.
- 1.14 Senarai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-37 adalah seperti berikut :-
- i. **Encik Zainal Ashikin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)**
 - ii. **Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota : 2409)**
 - iii. **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623)**
 - iv. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
 - v. **Encik Abdullah @ Mohd Nor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094)**
 - vi. **Encik Shah Amri bin Ab Aziz (Anggota : 2333)**
- 1.15 Mesyuarat bersetuju supaya Jawatankuasa yang dilantik ini mengadakan mesyuarat dalam tempoh sebulan dari tarikh mesyuarat agung ini diadakan. Mesyuarat agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 37.

AGENDA 2.0**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-36 PADA 5 MEI 2018
- KMA 02/2018**

- 2.1 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2018 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-36 pada 5 Mei 2018 (Muka surat 16 - 82).
- 2.2 Sebelum meneruskan pembentangan, beliau memaklumkan beberapa pembetulan seperti:
- 2.2.1 Muka surat 17 – Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali **Ke-35** dipinda kepada Kali **Ke-36**.
 - 2.2.2 Muka surat 92, para 4.8.2 – Senarai Kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan (Mengkaji Usul-usul Anggota)

Nama	Jawatan	Kehadiran
Puan Norfini bt Saad	Jawatankuasa	4/5

Jumlah Kehadiran **4/5** dipinda kepada **5/5**.

- 2.3 Beliau juga memaklumkan bahawa minit tersebut juga telahpun ditentusahkan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung dan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Akta Koperasi 1993 Seksyen 14 (1).
- 2.4 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menyatakan minit yang dibentangkan tahun ini adalah terbaik yang pernah ditengok beliau. Walau bagaimanapun masih banyak perkara yang perlu diperbaiki. Usul yang dibawa, kemudian keputusan dan komen dari pihak pengurusan. Tidak perlu meleret.
- 2.5 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota : 1862-A)** menyatakan beliau telah memberi komen selepas ucapan Pengerusi pada tahun lalu namun ia tidak diminitkan.
- 2.6 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** menjelaskan perkara ini tidak menimbulkan masalah kerana enam (6) orang jawatankuasa menentusah minit telah dilantik dan semakan minit telah dibuat. Seterusnya beliau membacakan senarai nama enam (6) orang jawatankuasa menentusah minit yang telah dilantik seperti yang telah dicatat dalam minit.
- 2.7 **Encik Jisshaelyz bin Hamzah (Anggota : 2819)** merujuk muka surat 73 iaitu mengenai kehadiran anggota. Di dalam minit berkenaan tiada catatan nama beliau sebagai hadir, sedangkan beliau hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu. Beliau mohon perkara ini disemak dan diterima dengan pindaan mengenai perkara tersebut. Ini adalah bertujuan supaya jumlah kehadiran selaras dengan jumlah eluan yang dikeluarkan.
- 2.8 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** memohon maaf atas perkara tersebut dan memaklumkan ia akan dibuat pembetulan.

- 2.9 Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 36 pada 5 Mei 2018 disahkan.

AGENDA 3.0

MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2018/2019 - KMA 03/2018

- 3.1 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2018 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sessi 2018/2019 (muka surat 83-102).
- 3.2 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** mohon anggota membuat cadangan supaya laporan ini diterima dan disokong seandainya tiada perkara yang mahu dibangkitkan.
- 3.3 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menyentuh mengenai beberapa perkara seperti berikut :-
- 3.3.1 Merujuk muka surat 97, beliau menyatakan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) yang dibentangkan adalah terbaik berbanding laporan-laporan terdahulu. Walau bagaimanapun beliau ingin memberi teguran berkenaan dengan bayaran kepada Budi JS. Terdapat perbezaan dalam Laporan JKAD dan Laporan Kewangan. Laporan Kewangan merekodkan RM600 ribu lebih sahaja bayaran kepada Budi JS sedangkan dalam Laporan JKAD bayaran kepada Budi JS adalah berjumlah RM3.76 juta. Beliau keliru dengan perbezaan tersebut. Manakala berkenaan bayaran kepada Budi JS bagi kerja pengawasan ladang bagaimana pula ia diakaunkan sebagai bayaran komisyen hasil dan bayaran komisyen baja.
 - 3.3.2 Seterusnya beliau merujuk muka surat 98 di bawah tajuk tanaman semula. Laporan yang dikemukakan hanya merupakan maklumat dan tidak mengandungi sebarang idea. Ia harus dibentang secara audit dan banyak perkara yang boleh diauditkan dalam perkara tanam semula ini. Sekiranya alasannya masa tidak mencukupi maka laporan tersebut tidak perlu dimasukkan terus. Berdasarkan pengalaman beliau, salah satu penyelewengan yang besar boleh berlaku iaitu dalam kerja 'chipping' pokok sawit.
- 3.4 **Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari** menjelaskan :
Laporan Audit Dalam ini menjumlahkan pembayaran kepada Budi JS adalah sebanyak RM2.789 juta. Di dalam Laporan Kewangan di bawah Perbelanjaan Pentadbiran Ladang Yuran Pengurusan Agen adalah sebanyak RM2.1 juta. Jumlah selebihnya itu ialah bayaran untuk komisyen baja dan lain-lain.
- 3.5 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** berpuas hati dengan jawapan yang diberikan dan berharap laporan bagi tahun lebih telus khususnya bayaran kepada Budi JS. Beliau juga mendapat maklumat bahawa Visiting Agent (VA) Agen Perladangan tersebut merupakan anggota KOSMA dan sekiranya dibayar oleh Budi JS bagaimana ia diakaunkan kerana ia merupakan kakitangan dan juga Visiting Agent Budi JS.
- 3.6 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menerangkan dalam kontrak antara KOSMA dan Agen Pengurusan Ladang, terdapat kadar harga kontrak bagi setiap item dan ia dibayar mengikut harga yang ditetapkan secara

bulanan. Perkara ini telah disenaraikan secara terperinci dalam akaun.

- 3.7 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota : 1862-A)** merujuk Laporan Audit Dalaman, muka surat 99 – para 6.13.1 di bawah tajuk Ho Hup. Rumusan JAD melaporkan tiada ‘feasibility study’ dan Pengurusan Risiko disediakan berkaitan projek Ho Hup. Walau bagaimanapun di muka surat 102, para 8.4 – Projek Usahasama Ho Hup dan KOSMA, telah dimaklumkan bahawa projek usahasama ini telah mematuhi semua terma dan Akta Koperasi dan mematuhi GP 24. Beliau mengimbau mengenai Kelulusan Had Pelaburan tahun 2017 tapi ditolak pada tahun 2018. Beliau ingin mendapat kepastian, bolehkah projek ini diteruskan kerana tiada aturan aktiviti dalam UUK berkenaan harta tidak alih dan harta tanah. Adakah aturan aktiviti tersebut perlu dibuat dan diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan dan diluluskan oleh SKM bagi meneruskan perlaksanaan projek tersebut.

- 3.8 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menjelaskan bahawa Projek ini telah dirangka sejak tahun 2017.

3.8.1 Bagi menjawab soalan pertama, beliau merujuk para 8.4 dan memaklumkan SKM Cawangan Pahang telah merujuk kepada pihak Ibu pejabat SKM. KOSMA perlu membuat permohonan berdasarkan 2 seksyen di dalam Akta iaitu , Pertama Akta 54(A) (1), dimana pembelian tanah itu sendiri setelah dikenalpasti belum mendapat kelulusan SKM dan permohonan itu telahpun diserahkan kepada SKM Cawangan Pahang sebelum dihantar ke Ibu pejabat. Tanah tersebut juga telah dibeli dengan sebuah syarikat berjumlah RM7.4 juta. Terdapat empat (4) syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut. Beliau mengesahkan KOSMA perlu memohon kelulusan dan belum ada kelulusan di peringkat SKM. KOSMA juga perlu memohon kelulusan berkaitan perjanjian usahasama dengan syarikat Ho Hup. Apa juga pelaburan-pelaburan dibawah seksyen 54 Akta itu juga perlu mendapatkan kelulusan SKM dan ini juga **masih belum diluluskan**. Berdasarkan maklumat pejabat SKM, KOSMA perlu melihat proses kelulusan jual beli tanah terlebih dahulu diikuti dengan proses usahasama tersebut. Kesimpulannya kelulusan berdasarkan kedua-dua seksyen tersebut **belum ada kelulusan** bagi kedua-dua seksyen tersebut.

3.8.2 Merujuk kepada soalan berkaitan aturan, beliau menjelaskan setiap aktiviti sememangnya memerlukan aturan dan perlu dibentangkan dalam mesyuarat agung untuk kelulusan. Tapidalam konteks “business to business” ia memerlukan perbincangan dan proses di peringkat Lembaga bermula dari peringkat awal perlantikan syarikat dan sebagainya. Berdasarkan kepada Laporan JKAD, ia tidak menyentuhkan mengenai kekurangan proses yang dibuat oleh Lembaga. Jawatankuasa Audit Dalam hanya boleh meneliti proses dan prosedur sahaja namun keputusan adalah tertakluk kepada Lembaga. Dalam proses tersebut, aturan berkenaan perlu disediakan oleh Lembaga dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) .ia bukan hanya untuk projek ini malah untuk projek-projek yang mendatang. Kesimpulannya beliau setuju aturan tersebut dibentangkan di MAT.

- 3.9 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota : 1862 A)** merumuskan bahawa aturan aktiviti perlu ada untuk kefahaman anggota. Tanpa aturan tersebut pihak JKAD juga tidak dapat membuat rujukan. Oleh yang demikian, aturan aktiviti perlu disediakan, diluluskan di MAT, baru tindakan boleh diambil bagi proses lanjut bagi projek tersebut.

- 3.10 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** membangkitkan mengenai beberapa perkara seperti berikut :
- 3.10.1 Merujuk muka surat 99 dan beliau ingin mempersoalkan mengenai maklumat terkini ladang-ladang KOSMA. Ladang KOSMA 9 yang berkeluasan 2,170.30 ha bagi tahun 2017 manakala 2,168.60 ha bagi tahun 2018. Bagaimana penyusutan ini berlaku.
 - 3.10.2 Muka surat 101 – juga dengan Ladang KOSMA 9. Beliau menyatakan Ladang KOSMA 9 merupakan ladang KOSMA yang kedua terluas, tapi menduduki tangga yang terakhir dari segi pengeluaran hasil BTB iaitu 15.30 mt/ha sedangkan ada kosnya tinggi iaitu RM145 per mt. Kos tersebut adalah merangkumi kerja-kerja memetik buah, memotong, mengangkut meracun, membaja dan pruning. Beliau mempersoalkan adakah bayaran tersebut tidak dibuat kerja-kerja sebagaimana sepatutnya yang menyebabkan pengeluaran BTB begitu merosot berbanding ladang lain.
- 3.11 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A) :**
- 3.11.1 Mohon Pengurus Besar memperbaiki format laporan statistik ladang KOSMA yang tidak disatukan. Pada pendapat beliau perlu ada maklumat nama ladang dan tahun tanam semula, maklumat keluasan dan gambaran hasil yang dicapai serta peratusannya. Berdasarkan carta bagi Profil umur pokok ladang KOSMA, digambarkan umur pokok 21 tahun ke atas sebagai pokok matang sedangkan tahun kematangan pokok lingkungan 25 – 28 tahun.
 - 3.11.2 Beliau juga ingin menyentuh mengenai pencapaian hasil yang tidak memuaskan bagi Ladang Bukit Serlai, Ladang KOSMA 6 dan Ladang KOSMA 9. Beliau ingin penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap permasalahan ini. Perkara ini tidak boleh dijawab secara umum dan menyatakan ia merupakan kawasan tanam semula. Maklumat yang mengatakan pokok tinggi menjelaskan hasil adalah tidak tepat. Akan tetapi kawasan pokok tinggi yang terbiar akan menyebabkan kita kehilangan hasil. Beliau berpendapat KOSMA perlu mempunyai satu teknologi baru dan cara penuaan buah untuk pokok sawit yang tinggi.
 - 3.11.3 Beliau juga tidak nampak kemajuan kerja terhadap pelan penanaman semula. Beliau juga ingin mendapat maklumat mengenai biji benih sawit yang digunakan. Pada masa kini syarikat perladangan yang melaksanakan tanaman pokok yang memberikan hasil “hybrid” adalah jauh lebih tinggi dari hasil terdahulu. Bagaimana pula kedudukan penghasilan KOSMA pada masa akan datang berbanding dengan IOI Corporation Berhad, KLK Berhad dan sebagainya yang menggunakan biji “hybrid”.
- 3.12 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** berterima kasih pada Tuan Haji Hamzah yang dilihat betul-betul professional dalam memberikan pandangan. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman mengenai keluasan matang, beliau memaklumkan, perbezaan keluasan kawasan matang Ladang KOSMA 9 bagi tahun 2017 dan 2018 hanya sebanyak 1.7 hektar sahaja. Ini disebabkan oleh pengukuran semula yang dibuat dan menyebabkan sedikit perbezaan di kawasan tapak dan rekod keluasan yang dicatatkan di dalam geran.
- 3.13 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh**, menjelaskan tafsiran umur Pokok Matang adalah dari 7-8 tahun sehingga 25 tahun. Berdasarkan agensi perladangan diiktiraf, graf pokok matang itu adalah daripada 8- 18

tahun sahaja. Selepas umur 20 tahun ke atas hasilnya akan menurun. Ladang KOSMA 9 ini adalah antara ladang yang telah memulakan proses tanaman semula maka hasilnya tentu berkurangan. Masalah kekurangan buruh dan kesukaran mendapatkan buruh mahir bagi pokok tinggi juga merupakan faktor kekurangan penghasilan tersebut.

- 3.14 **Puan Norfini bt Saad (Anggota : 0098-A)** yang juga merupakan Jawatankuasa Perundungan ingin bertanya mengenai kontrak Ladang KOSMA 9. Beliau juga menyatakan Pengerusi Jawatankuasa berkenaan mungkin boleh memberi penjelasan. Ahli jawatankuasa telah menerima semua kontrak ladang untuk dikaji kecuali kontrak ladang berkenaan. Mereka juga sentiasa bertanya kepada Pengerusi Jawatankuasa semasa mesyuarat jawatankuasa diadakan. Namun, masih tidak memperolehi kontrak tersebut dan tiada jawapan sehingga hari ini.
- 3.15 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan kontrak bagi Ladang KOSMA 9 adalah kontrak jangka panjang dan harga tidak diperbaharui secara tahunan. Kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga pada hujung tahun adalah bagi semua kontraktor yang menggunakan kontrak dari tahun ke tahun. Namun, bagi Ladang KOSMA 9, ia menggunakan kontrak jangka panjang yang dinyatakan semua kerja dalam satu kontrak. Sekiranya digabungkan nilai harga kontrak Ladang KOSMA 9 ini dan dibahagi satu persatu nilai bagi kontrak ladang lain, ia adalah lebih rendah dan lebih murah.
- 3.16 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** menyatakan penjelasan itu tidak menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Puan Norfini mengenai Kontrak Ladang KOSMA 9 yang tidak diterima.
- 3.17 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan kontrak tersebut ada dalam simpanan pengurusan. Sudah semestinya terdapat kontrak yang telah ditandatangani bagi perlaksanaan kerja-kerja ladang tersebut.
- 3.18 **Puan Norfini bt Saad (Anggota : 0098-A)** sekali lagi menyuarakan kemosyikilan beliau kenapa kontrak tersebut, kenapa Pengerusi Jawatankuasa tidak memberi kontrak tersebut kepada Ahli Jawatankuasanya. Beliau mohon maaf kepada Pengerusi Jawatankuasa berkenaan kerana meletakkan beliau dalam posisi ini. Kemungkinan ia sangat istimewa untuk dikaji oleh Jawatankuasa. Beliau menambah ini adalah untuk kepentingan KOSMA dan anggotanya.
- 3.19 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** sekali lagi menegaskan bahawa kontrak perjanjian itu ada. Kemungkinan Pengerusi Jawatankuasa tidak memperolehnya semasa diminta tempoh hari. Sememangnya tiada masalah untuk memberikan kontrak tersebut.
- 3.20 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** :
- 3.20.1 Menyatakan beliau ada mendapat maklumat yang mengatakan hasil Ladang KOSMA 9 tidak disalur kepada KOSMA. Oleh yang demikian ke mana pergi hasilnya. Jika diberi peluang beliau boleh membuat pengauditan di Ladang KOSMA 9.
 - 3.20.2 Berhubung dengan isu Anggota Lembaga, beliau ingin menyentuh keadaan Anggota Lembaga pada masa kini yang dikatakan berpecah dua dan perkara ini adalah dalam pengetahuan umum. Beliau bangkitkan ini kerana kalau ini tidak diperbetulkan maka KOSMA boleh dikatakan akan hancur dalam masa terdekat. Tuduhan liar tanpa bukti berlegar begitu

banyak sekali. Berdasarkan Peruntukan UUK 23(1) Fasal (b), yang menyatakan mengenai penggunaan media massa. Media massa pada masa kini bukanlah setakat suratkhabar bahkan "whatsapp" juga merupakan media massa. Media massa ini digunakan untuk menyampaikan cerita sehingga boleh memburuk-burukkan seorang.

- 3.21 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** memaklumkan di dalam UUK tidak dinyatakan mengenai fitnah. Mengikut UUK 35, dinyatakan Anggota Lembaga terdiri daripada sebelas orang , tiada perpecahan
- 3.22 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed** meneruskan persoalan beliau yang ditujukan khas kepada YH Dato' Pengerusi. Pada pandangan beliau ini merupakan mainan politik dan tingkah laku yang tiada adab iaitu bergaduh, menyebarkan fitnah dan sebagainya. Jika diteruskan politik kotor, maka padahnya akan diterima.
- Berbalik semula kepada perkara berkaitan perpecahan anggota Lembaga yang dikatakan berpecah kepada dua kumpulan. Tujuan beliau bercakap mengenai perkara ini adalah untuk menyelamatkan KOSMA. Tambah beliau Anggota Lembaga KOSMA perlulah berintegriti, berwibawa dan melaksanakan tanggungjawab Anggota Lembaga.
- 3.23 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa**, menyatakan ia merupakan sikap keprihatinan yang baik. Namun beliau menegaskan, tidak diisyiharkan pun samada Anggota Lembaga berlima atau berenam. Malah anggotalah yang berhak menentukannya bukan Anggota Lembaga. Beliau sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed.
- 3.24 Sebelum membuat teguran, **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)** menunjukkan kepada semua anggota kad raya yang terdapat gambar hanya lima (5) orang Anggota Lembaga dan menyatakan bahawa Anggota Lembaga perlulah bersatu. Tujuan Rasulullah S.A.W. menyuruh umatnya merapatkan saf solat kerana itulah kekuatan dalam Islam.
- 3.25 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Puan Norfini bt Saad, beliau ingin mendapat kepastian mengenai Kontrak Ladang 9 yang tidak diterima oleh Jawatankuasa untuk membuat kajian semula. Beliau mempersoalkan kenapa hanya bila diutarakan di Mesyuarat Agung Tahunan Pengerusi menyatakan tiada masalah untuk memberi kontrak tersebut. Jika sebagai Ahli Jawatankuasa tidak menerima dokumen yang diminta, bagaimana dengan anggota yang biasa, yang cuma hadir setahun sekali di mesyuarat agung.
- 3.26 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan persoalan itu sangat baik dan pandangan itu diambil kira. Jawatankuasa boleh hadir ke pejabat dan pengurusan akan menyerahkan dokumen tersebut. Bukan salah beliau jika jawatankuasa tidak memperolehi dokumen tersebut.
- 3.27 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** ingin mendapat pengesahan pukul berapa beliau perlu ada di Pejabat untuk mendapatkan dokumen tersebut pada hari esok.
- 3.28 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjawab boleh datang dan berjumpa dengan Pengurus Kewangan.

- 3.29 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** menyambung, berkaitan dengan isu pokok matang, beliau mendapat maklumat terdapat seluas 7 ribu ekar kawasan perladangan yang matang. Pengurus Besar telah memaklumkan dalam pembentangannya, jika tanam semula dibuat sebanyak 500 ekar setahun, ia akan mengambil masa 14 tahun untuk membuat tanam semula berkenaan.
- 3.30 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan program tanam semula ini dibuat setiap tahun. Kita memang "lump sum" sahaja supaya tidak menganggu aliran tunai yang akan mengakibatkan dividen berkurangan. Jadi ratio 600- 800 hektar dibuat setiap tahun. KOSMA telah mengatasi masalah seperti klon dan kesemua ladang KOSMA menggunakan klon Felda.
- 3.31 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** menyatakan beliau tidak bertanya tentang klon , ini adalah berkenaan masalah dividen. Jika KOSMA tidak membuat segera tanam semula, ada kemungkinan besar pada masa hadapan KOSMA tidak dapat membuat pembayaran dividen yang baik ke atas unit ladang. Beliau juga mendapat tahu duit tabungan itu telah diambil bagi membuat bayaran dividen.
- 3.32 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan beliau mengalukan anggota berkenaan membuat cadangan yang baik apa program yang ingin dicadangkan dan boleh dibuat perbandingan dengan program sedia ada. Untuk masa kini, KOSMA perlu fokus terhadap kestabilan aliran tunai dan dividen yang perlu dibayar. Oleh kerana itu perancangan perlu dibuat supaya keadaan KOSMA stabil sepanjang masa.
- 3.33 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** masih tidak berpuas hati dengan jawapan tersebut dan menyatakan isu di sini adalah berkenaan dengan masa hadapan jangka panjang KOSMA berkaitan tabung tanam semula. Seterusnya beliau merujuk ucapan pengerusi yang memaklumkan mengenai perjanjian Agen Pengurusan Ladang yang diperbaharui dalam tahun 2016. Beliau ingin penjelasan bila tarikh perjanjian yang lama itu luput. Soalan seterusnya bila perjanjian yang diperbaharui itu ditandatangani. Akhir sekali , siapa yang menandatangani perjanjian itu.
- 3.34 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan perjanjian itu tamat pada tahun 2024 . Beliau pun tak ingat siapa yang menandatanganinya tapi kelazimannya ia ditandatangani oleh samada adalah Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau Timbalan Pengerusi.
- 3.35 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** menyatakan bahawa soalan beliau adalah merujuk tarikh luput perjanjian yang lama.
- 3.36 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** mohon maaf kerana beliau tiada rujukan itu. Walau bagaimanapun beliau akan memberikan jawapan bertulis kepada anggota tersebut.
- 3.37 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota : 1862-A)** merujuk muka surat 97 dan 98, beliau mempersoalkan mengapa ketiga-tiga bangunan KOSMA di Kuantan Avenue, Damai Court Temerloh dan Kedai Jalan Irong Jerantut tidak disewakan. Terdapat juga penyewa yang tidak membuat bayaran. Tiada sebarang papan

tanda sewaan. Jika begini pengurusan harta sewaan, beliau agak risau dengan projek Ho Hup sekiranya dilaksanakan kelak.

- 3.38 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menerangkan penyewaan harta-harta KOSMA ini memang sepanjang masa ada kekosongan. Sekiranya ada yang tidak membayar sewa KOSMA ada perjanjian penyewaan. Sekiranya tidak membuat bayaran selepas sebulan, KOSMA akan mengeluarkan notis sehingga cukup tempoh tiga bulan. Bagi yang melebihi tempoh itu KOSMA akan minta peguam untuk mengambil tindakan selanjutnya. Kebiasaanya bila sampai ke tahap akhir mereka akan menyelesaikannya.
- 3.39 **YH Dato' Mohd Mazlan bin Jusoh (Anggota : 1915)** berasa amat terharu mendengar apa yang telah dibincangkan. Beliau ingin tahu tujuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundungan. Ini adalah satu jawatankuasa yang amat penting sebab anggota perlu dapat maklumat untuk menilai apa yang berlaku dalam KOSMA. Maklumat-maklumat yang perlu untuk mereka membincangkan dan menjalankan tugas-tugas mereka adalah untuk kepentingan KOSMA. Apa yang dibangkitkan oleh Encik Krishnan yang merupakan seorang akauntan dan Puan Norfini seorang bekas majistret adalah kerana kesukaran mendapatkan maklumat tersebut. Berkenaan dengan isu fitnah jika ada fakta diselindungkan, maka akan merebaklah fitnah ini.
- 3.40 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan sememangnya pengurusan akan memberi dokumen yang diminta. Buat masa ini tumpuan jawatankuasa ini sebenarnya lebih banyak kepada mengkaji usul-usul ini bukannya untuk mengkaji cerita-cerita lain. Mungkin kelak setelah masalah waris telah selesai jawatankuasa bolehlah membincangkan perkara lain.
- 3.41 **Tuan Haji Kamil bin Abdul Majid (Anggota : 2270)** mencadangkan supaya laporan lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tahun 2018 diterima dengan pindaan, sekiranya ada dan disokong sebulat suara oleh Mesyuarat Agung.

AGENDA 4.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN - AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 - KMA 04/2018

- 4.1 Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari mewakili Anggota Lembaga membentangkan kertas Bil:KMA.04/2018 Menimbang dan Meluluskan:-
- 4.1.1 Akaun – akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 (muka surat 1-60)
 - 4.1.2 Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 KOSMA Holdings Sdn Bhd (muka surat 1-26)
 - 4.1.3 Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-23)
- 4.2 Beliau juga menerangkan pencapaian KOSMA bagi tahun 2018 berdasarkan kepada pembentangan Ringkasan Eksekutif KOSMA bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Dari segi perladangan, pendapatan bagi tahun 2018 adalah 124 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu berjumlah RM165 juta. Pengurangan

sebanyak 25% ini berpunca dari kejatuhan harga kelapa sawit. Harga BTB bagi tahun 2018 telah jatuh kepada RM457 se mt. berbanding tahun sebelumnya 569 se mt. Perbezaan sebanyak RM112 bagi setiap mt BTB. Semua syarikat perladangan mengalami kemerosotan pendapatan sebanyak 25%. Dari segi pelaburan, antara dividen yang terbesar diterima dari Wujud Wawasan iaitu RM1.5 juta. Seterusnya di Bank Rakyat sebanyak 13 % dan juga di FGV.

Untuk Ar Rahnu pula pendapatannya telah meningkat melebihi tahun sebelumnya. Dari segi perhotelan pula pendapatannya menurun oleh kerana kejatuhan "occupancy rate". Manakala pendapatan seperti sewa dan sebagainya menjadikan jumlah pendapatan keseluruhan RM132 juta. Bagi tahun 2018, keuntungan bagi kumpulan KOSMA ialah RM43 juta berbanding dengan tahun lepas RM 74 Juta (Pengurangan sebanyak 42%). Ini berpunca dari harga BTB telah jatuh lebih kurang RM100 setan. Penghasilan juga mengalami sedikit kemerosotan. Tahun lepas purata penghasilah menunjukkan perbezaan sebanyak 2%. Namun ini adalah selaras dengan pencapaian semua agensi perladangan.

- 4.3 Di atas pencapaian tersebut, Anggota Lembaga mencadangkan pembahagian keuntungan 2018 seperti berikut :-

Pembahagian Keuntungan	2018
Dividen – 30%	17,921,295
Dividen Unit Ladang – RM4,000 seunit	22,564,000
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota – 1%	255,936
Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian – 1%	255,936
Kumpulan Wang Tabung Pendidikan – 1%	255,936
Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota – 3%	767,808
Kumpulan Wang Penebusan Syer – 1%	255,936
Kumpulan Wang Tabung Amanah Yayasan KOSMA – 1%	255,936
Kumpulan Wang Tabung Persaraan – 1%	255,936
Honorarium Lembaga	350,000

- 4.4 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** ingin mengambil perhatian Akaun Penyata Pendapatan Ladang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 muka surat 17.

- 4.4.1 Beliau tertarik kepada item Kos jualan iaitu kos memproses, kos pengangkutan dan lain-lain yang menelan perbelanjaan berjumlah RM16,212,399. Persoalannya kenapa kos memproses ini boleh berada di dalam kategori perladangan sedangkan BTB dihantar dari ladang terus kepada Kilang yang diuruskan Wujud Wawasan. Beliau mohon penjelasan mengenai maksud kos memproses tersebut.
- 4.4.2 Berkenaan dengan Tenaga Kerja Asing, pekerja ladang KOSMA diimport dari luar negara khususnya Bangladesh dan Indonesia. Kos membawa masuk pekerja asing menelan belanja jutaan ringgit. Jika dilihat di bawah kategori Perbelanjaan Pentadbiran Ladang, Item Perbelanjaan Buruh Asing berjumlah RM2,034,848 sepatutnya tidak boleh dijadikan item perbelanjaan kerana ia akan terhapus terus. Sedangkan kos membawa masuk pekerja asing itu KOSMA perlu didahulukan kerana permit itu milik KOSMA. Manakala bayaran balik kos itu patut dibiayai oleh kontraktor ladang bermaksud ia tiada lagi dalam perbelanjaan. Jika kontraktor ladang

itu tidak menjelaskan bayaran sehingga 31 Disember sepatutnya maklumat tersebut keluar dalam aset atau aset semasa senarai penghutang. Beliau mohon penjelasan mengapa penyata ini menyatakan perbelanjaan Buruh Asing dijadikan perbelanjaan.

- 4.5 **Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari** menjelaskan berkenaan Kos memproses, buah sawit yang dihantar ke kilang adalah dalam bentuk buah tandan segar (BTS). Kos memproses itu ialah kos yang dikenakan oleh kilang kepada ladang bagi memproses buah kelapa sawit ini iaitu sebanyak RM53 per mt. Setiap kilang akan mengenakan kos tersebut. Kos kilang-kilang di luar seperti Felda adalah melebihi kos tersebut. KOSMA hanya mencatatkan jumlah bersih dalam akaun tahun lalu. Oleh kerana tahun ini KOSMA telah menggunakan sepenuhnya MPERS iaitu "Standard Accounting Policy", maka perlu dinyatakan jualan kasar tolak kos memproses maka dapat jualan bersih. Kos memproses ini ialah kos yang dikenakan pada semua ladang dan kilang.
- 4.6 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman** menyatakan adalah kurang sesuai KOSMA yang menjual buah sawit (BTS) perlu menanggung kos proses untuk perahan minyak. Sepatutnya itu adalah urusan kilang.
- 4.7 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan lebih lanjut iaitu jika dilihat pada tajuk kos jualan bermakna kos penghasilan termasuk kos penjagaan dan pengeluaran hasil ladang.
- 4.8 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** menyatakan apa yang beliau maksudkan ialah bayaran pada Budi JS sebanyak 1.5 % daripada hasil jualan. Kenapa tidak dinyatakan terus sebagai kos pemasaran.
- 4.9 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan ia bukan kos memproses di kilang. Kos memproses di kilang itu termasuk dalam kos pengeluaran yang semua sekali berjumlah RM210 per mt termasuklah kos memproses yang dibayar ke kilang. Maka bukanlah kos memproses di kilang itu per mt sehingga menjadi jumlah RM12 juta.
- 4.10 **Pengurus Kewangan** menjelaskan sebenarnya cara merekod dan cara untuk penerimaan penjualan buah sawit koperasi perlu mengikuti standard MPOB. Tapi untuk semua syarikat perladangan di Malaysia, kita tidak akan jual secara "gross". Memang akan ditolak kos memproses dan kos pengangkutan CPO. Oleh itu, kadar standard bagi kos memproses itu adalah RM53 per mt. Kalau seandainya ada apa-apa pertikaian, mungkin boleh mengemukakan surat kepada MPOB kerana ini adalah standard yang digunakan oleh semua syarikat perladangan. Di dalam laporan bagi tahun ini dinyatakan kos mengikuti MPOB standard dan ditolak berapa kos untuk menjual CPO itu kepada pembeli.
- 4.11 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A) :**
- 4.11.1 menyatakan penjelasan tersebut tidak berapa memuaskan . Beliau mohon laporan akan datang, diperbaiki penyampaian laporan dari segi kos jualan, kos memproses supaya ia lebih jelas. Beliau juga ingin minta penjelasan komisyen jualan kepada Budi JS dan juga komisyen baja iaitu sebanyak RM2.16 juta.
- 4.11.2 Beliau juga ingin menyentuh berkenaan dengan KOSMA Tourism, bahawa di dalam laporan hanya dinyatakan sewa bilik dan sebagainya. Sebenarnya apa yang dilaksanakan oleh KOSMA Tourism. Merujuk ucapan Pengerusi,

KOSMA Tourism akan merangka program seperti kebanyakan agensi yang lain seperti Felda Tekam dan sebagainya. KOSMA telah ada struktur asas dan pusat perladangan yang boleh ditambah baik sebagai pusat pelancongan.

- 4.11.3 Beliau juga hairan perbandingan Perbelanjaan Pentadbiran 2017 dan 2018 iaitu masing-masing RM42,771 dan RM 268,559. Malah tuntutan perjalanan dan penginapan Ahli Lembaga Pengarah sahaja berjumlah RM22,537.

- 4.12 **Anggota Lembaga, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** selaku Pengerusi KOSMA Tourism Sdn Bhd menerangkan :

- 4.12.1 Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi KOSMA Tourism pada 1 Ogos 2018 khususnya untuk menguruskan tiga hotel kepunyaan KOSMA, iaitu KOSMA Business, KOSMA Bajet dan KOSMA Butik. Dari pengamatan beliau, sebagai contoh KOSMA Business Hotel, kedudukannya strategik namun banyak lagi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan kerana semua hotel tersebut tidak mempunyai satu sistem perhotelan yang betul.
- 4.12.2 KOSMA Business Hotel memperoleh keuntungan namun banyak perkara yang telah dilepaskan kepada orang lain sebelum ini. Sebagai contoh restoran KOSMA Business Hotel telah diuruskendali oleh orang lain. Hotel dan bilik mesyuarat yang ada juga kecil. Bermula 1 Januari 2019 KOSMA Tourism telah mengambil alih pengurusan kafe. Sekiranya untuk mempelbagaikan pakej perlu dibuat seperti pakej seminar, tempahan makan, bufet Ramadhan dan sebagainya.
- 4.12.3 Apa yang merugikan sekarang ialah KOSMA Bajet Hotel kerana ia merupakan hotel yang telah lama dan tidak dapat bersaing dengan hotel lain. Beliau ada membuat perancangan untuk membaiki dan membesarakan bilik serta restoran. Beliau berharap selepas ini hotel akan memperolehi keuntungan.
- 4.12.4 Di KOSMA Business Hotel juga banyak perkara yang perlu diperbetulkan, di antaranya ialah kelemahan hasil dari pengubahsuaian terdahulu. Sistem internet yang digunakan juga menyebabkan bayaran perlu dibuat lebih kurang RM7,600 sebulan sedangkan kalau untuk hotel 50 bilik sepatutnya hanya perlu membayar RM700 sebulan. Ini juga disebabkan oleh Perjanjian yang telah diikat selama 5 tahun.
- 4.12.5 Berkenaan dengan projek masa depan KOSMA, KOSMA telah memiliki kemudahan seperti rumah di kawasan ladang, rumah rehat, auditorium, bilik-bilik penginapan di Kompleks dan sebagainya untuk dimajukan dalam industri pelancongan. KOSMA juga boleh menawarkan pakej-pakej terutamanya kepada anggota atau orang luar seperti Singapura dan sebagainya. Antara perancangan lain ialah pakej melawat ladang, tasik dan inilah di antara perancangan-perancangan yang akan KOSMA buat di masa hadapan.

- 4.13 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan KOSMA juga akan memberi fokus kepada bidang "agrotourism".

- 4.14 **Puteri Ruziyana bt S'aban (Anggota : 2200)** mohon penjelasan atas perkara berikut:

- 4.14.1 Beliau sentiasa memerhatikan perkembangan hotel. Pada pengamatan beliau hotel telah kerugian selama 2 tahun dan seperti yang dimaklumkan oleh Pengerusi KOSMA Tourism, KOSMA Business Hotel telah mengusahakan kafanya sendiri. Namun tiada promosi dan pemasaran. Beliau pernah hadir di kafe dan beliau berpandangan citarasanya agak kurang berbanding

- contoh terdekat seperti Kemaman Kopitiam.
- 4.14.2 Keduanya di manakah strategi pemasaran yang dibuatkan oleh pihak KOSMA Holding dan juga Ahli Lembaga Pengarah Hotel.
- 4.14.3 Akhir sekali beliau menyoal kenapa tidak dinyatakan bilangan mesyuarat dan apakah tiada aktiviti untuk kemajuan hotel KOSMA .
- 4.15 **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)** menegur agar jangan bangkitkan perkara-perkara yang tidak jelas. Itu adalah soalan yang berbentuk "malafide".
- 4.16 **Puteri Ruziyana bt S'aban (Anggota : 2200)** beliau hanya mohon penjelasan kerana pelaburan yang dilaburkan adalah duit anggota.
- 4.17 **Anggota Lembaga, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** berharap agar Puan Puteri tidak marah sekiranya perkara yang akan dibangkitkan ada menyentuh mengenai perkara berkaitan beliau. Sebenarnya Pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Operasi di Hotel KOSMA adalah tidak berkelayakan, tiada pengalaman dan tidak tahu hal-hal mengenai hotel dan pemasaran. Namun gaji yang diberikan adalah tinggi. Beliau menyoal Puan Puteri tahu atau tidak siapa pegawai tersebut? Dengan gaji yang tinggi diberikan dengan tiada pengalaman, memang memeningkan kepala Ahli Lembaga Pengarah.
- 4.18 **Puteri Ruziyana bt S'aban (Anggota : 2200)** menjawab beliau tidak terlibat dengan pemilihan pegawai tersebut.
- 4.19 **Anggota Lembaga, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menyambung beliau bersyukur kerana hotel telah dapat beroperasi dengan baik. KOSMA Tourism juga telah menyediakan borang untuk bantahan, komen dan sebagainya. Tapi tiada sebarang aduan atau komen daripada Puan Puteri Ruziyana.
- 4.20 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan KOSMA akan membuat sebaik mungkin dan berharap KOSMA terus maju dalam semua bidang dan sektor.
- 4.21 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** setuju dengan pandangan YH Dato' Zamri, kita sedar bahawa dalam koperasi kita hendak dividen tinggi. Seterusnya beliau menyatakan perniagaan perlulah ada keuntungan kalau seperti aktiviti perladangan. KOSMA perlu memberi fokus kepada Tourism dan perhotelan. Anggota sedia maklum terdapat 2 hotel yang mengalami kerugian iaitu bajet dan butik. Sepatutnya sekiranya rugi perniagaan tersebut perlulah ditutup sebab setiap hari ada kos. Tapi bagi tahun 2018 operasi hotel masih berjalan sehingga kerugian sebanyak RM59 ribu. Sehingga mesyuarat pada 5 April 2019 barulah ia dicadangkan untuk ditutup pada bulan Julai 2019. KOSMA Tourism juga perlu ada bajet yang sesuai.
- 4.22 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjawab seperti yang dibuat kesimpulan tadi KOSMA akan berusaha memperbaiki kelemahan dan cuba menyelesaikan masalah untuk ke arah kebaikan. KOSMA mempunyai Jawatankuasa dan kumpulan yang akan mengambil tindakan.
- 4.23 **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** meluahkan ketidakpuasan hati beliau mengenai beberapa perkara :-
- 4.23.1 Merujuk muka surat 17-perkara yang dibangkitkan sebelum ini iaitu

- perbelanjaan untuk tenaga kerja asing yang berjumlah RM2 juta. Siapa pegawai yang bertanggungjawab mengutip hasil-hasil daripada kemasukan pekerja, iaitu permit dan juga levi. Sepatutnya kontraktor ladang akan membayar semula kepada KOSMA, bukan KOSMA yang menanggung kos tersebut. Ke mana pergi kos hampir RM500 ribu yang tidak dikutip.
- 4.23.2 Merujuk muka surat 34 di bawah Tajuk Pelaburan Dalam Dana Pasaran Wang bagi Affin Hwang Capital. Pada tahun 2017 pelaburan adalah sebanyak RM17 juta dan KOSMA telah mengeluarkan RM10 juta daripada pelaburan tersebut. Apa tujuan ia dikeluarkan dan kepada siapa ia disalurkan.
- 4.23.3 Beliau menyoal mengapa pihak KOSMA tidak menghantar wakil di Mesyuarat Agung Bank Rakyat. Beilau ingin tahu siapa wakil KOSMA.
- 4.24 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjawab KOSMA sememangnya ada hantar wakil namun perwakilan adalah di kalangan Anggota Lembaga.
- 4.25 **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** ingin tahu siapa perwakilan tersebut. Selain itu beliau menegur mengenai pengurusan hotel. Sekiranya 3 hotel ini pun tidak dapat dibuat apatah lagi untuk melaksanakan projek seperti Ho Hup.
- 4.26 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** menjelaskan Mesyuarat Agung Bank Rakyat pada tahun lalu, KOSMA tidak menghantar wakil oleh kerana notis tidak sampai dan dimaklumkan saat-saat akhir. Walau pun tidak menghantar wakil namun KOSMA tetap menerima dividen.
- 4.27 **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** menjelaskan Bank Rakyat tidak akan hantar surat kepada ahlinya. Ia hanya akan diiklankan dalam surat khabar.
- 4.28 **Encik Krishnan Johan A/L P. Srinivasan (Anggota : 0525-A)** membangkitkan mengenai beberapa perkara :-
- 4.28.1 Merujuk muka surat 54 – Nota 39 – Pelbagai Perbelanjaan. Bagi item pembayaran yuran guaman berjumlah RM435 ribu bagi tahun 2018 manakala RM391 ribu bagi tahun 2017. Mengapa banyak perbelanjaan yang dikeluarkan untuk perkara ini dan mengapa tidak diwujudkan satu jawatan dalam KOSMA berkaitan perundangan.
- 4.28.2 Merujuk Muka surat 34 – Nota 6 (i) Pelaburan dalam syer tersiar harga. Bagi item Peruntukan rosotnilai berjumlah 1,640,318 iaitu 53% dibandingkan dengan nilai RM3.08 juta. Kenapa pelaburan ini masih dipegang sedangkan ia mengalami kemerosotan.
- 4.28.3 Merujuk Nota 7 pula – Pelaburan dalam Subsidiari, Rosotnilai pelaburan adalah sebanyak RM 2 juta.
- 4.28.4 Akhir sekali, beliau bertanya punca keuntungan KOSMA dari industri sawit yang merosot 42% berbanding tahun sebelumnya. Namun dividen yang dicadangkan masih dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya. Pada pandangan beliau dividen perlu diturunkan. Namun beliau mohon maaf pada semua anggota kerana itu adalah realiti pasaran semasa. Jika dibuat perkiraan untuk dividen modal syer 30%, sepatutnya diturunkan menjadi 23%. Jika ikut dividen unit ladang yang dicadangkan adalah RM4,000, ia perlu dikurangkan kepada RM2,300.

4.29 **Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari** menjawab :

- 4.29.1 Dividen yang dicadangkan ini telah mengambil kira keuntungan KOSMA. Tahun lepas modal syer diisythar sebanyak 40%. Namun bila dibawa ke SKM ia hanya diluluskan sebanyak 35%. Oleh kerana keuntungan KOSMA berkurangan, dividen yang dicadangkan adalah 30% sahaja iaitu berjumlah RM17 juta. Memang KOSMA mampu dan berkeupayaan membayar dividen sebanyak itu tanpa menjelaskan kewangan KOSMA. Seperkara lagi, disebabkan oleh pengurangan dividen modal syer tersebut, dividen unit ladang RM4,000 telah dikekalkan. Semua pendapatan unit ladang ini setelah ditolak segala perbelanjaan bagi ladang dan setelah dibuat "reserve" untuk tanam semula serta bayaran pengurusan, ianya wajar dikembalikan kepada anggota. Rizab yang ada pada Koperasi tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya sebab ia tertakluk kepada peraturan dan akta. Oleh kerana itu, dividen modal syer hanya dicadangkan 30%. Beliau mohon cadangan tersebut diluluskan disini untuk diangkat kepada SKM bagi kelulusan.
- 4.29.2 Menjawab mengenai isu kos Tenaga Kerja Asing, beliau menjelaskan itu merupakan kos KOSMA yang diserap kepada setiap ladang. Untuk mendapatkan seorang pekerja asing, perbelanjaan yang dikenakan adalah berjumlah RM3,500 seorang. Separuh daripada itu dicaj kembali pada kontraktor iaitu sebanyak RM1,900. Namun bagi tahun 2018, kos telah meningkat kerana KOSMA perlu membayar lebih insentif bertujuan mengekalkan gaji minima pekerja. Tahun lalu KOSMA menanggung RM548 ribu dan sebelumnya hanya RM300 ribu. Semua pembayaran ini ditanggung oleh ladang.
- 4.29.3 Situasi paling selamat bagi menyimpan dana KOSMA ialah dengan menyimpan di dalam akaun simpanan tetap dengan pulangan dividennya hanya sekitar 3-4 % setahun dan dikenakan cukai. Affin Hwang Capital adalah merupakan pelaburan dalam "Cash Management Fund". Ia merupakan pelaburan jangka pendek dan KOSMA mendapat pulangan lebih daripada simpanan tetap. Ia juga boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
- 4.29.4 Akhir sekali, beliau menjawab persoalan mengenai rosot nilai pelaburan saham KUMIPA yang telah dibeli pada tahun 90-an dengan nilai RM1 seunit. Sekarang harga memang jatuh (30 sen seunit tetapi setiap tahun KOSMA menerima dividen dan sekarang ia melebihi kos tersebut iaitu RM1 juta. Contoh kedua - TH Plantation - ia telah jatuh merudum namun malah tahun lalu tiada dividen namun tahun sebelumnya ada dividen. Bagi Boustead Plantation Berhad adalah 'public listed company' dan dikenali umum. Dividen masih lagi diterima dan boleh dibayar 4 kali setahun secara suku tahun. Dalam FGV ada sedikit saham berjumlah RM1 juta dan dibeli dengan harga RM1.69 seunit.

4.30 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (1862-A)** menyatakan beliau maklum mengenai Agen Budi JS yang diuruskan oleh 3 orang pekerja, antaranya agronomi yang juga merupakan anggota KOSMA. Mengapa KOSMA tidak boleh memikirkan untuk mewujudkan KOSMA Agency seperti yang dilaksanakan oleh Boustead Berhad. Beliau juga mencadangkan untuk mengambil ahli agronomi berkenaan yang dikatakan bagus dalam melaksanakan tugasnya.

4.31 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan itu merupakan satu pandangan yang baik. KOSMA akan membuat perkiraan kos dan

perbandingan. Bila tarikh kontrak ini tamat KOSMA boleh membuat keputusan mengenainya.

- 4.32 Di atas cadangan yang dikemukakan oleh **Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman (Anggota : 2784)**, mesyuarat agung sebulat suara bersetuju menerima pembentangan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018.

AGENDA 5.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN BELANJAWAN 2019 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2020 - KMA 05/2018

- 5.1 **Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari** membentangkan kertas Bil KMA 05/2018 bagi menimbang dan meluluskan pindaan belanjawan 2019 dan anggaran belanjawan tahun 2020 (muka surat 105-121). Jumlah keseluruhan bagi pindaan belanjawan 2019 dan anggaran belanjawan 2020 adalah seperti berikut:-
- i. LAMPIRAN A - Pindaan belanjawan untung rugi koperasi 2019 dan belanjawan untung rugi koperasi 2020.
 - ii. LAMPIRAN B - Pindaan belanjawan untung rugi Ladang 2019 dan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2020.
 - iii. LAMPIRAN C - Pindaan belanjawan aset 2019 dan belanjawan aset tetap 2020.
- 5.2 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan dalam pindaan belanjawan ini tiada banyak perbezaan. Pengurusan sedar harga kelapa sawit semakin rendah dan kos perlu dikurangkan. Oleh yang demikian pindaan belanjawan 2019 ini adalah mengurangkan perbelanjaan begitu juga dengan tahun 2020 kerana harga kelapa sawit diramalkan rendah .
- 5.3 **Puan Ng Ai Ling (Anggota : 2617-A)** bertanyakan mengenai rizab am ladang sebab jika dilihat pada tahun 2020 ia berjumlah RM8 juta sahaja dan jumlah ini tidak mencukupi. Tapi jika dilihat, umur pokok-pokok matang dalam lingkungan 44%. Adalah penting rizab am ini ditambah untuk tahun hadapan bersetuai dengan usia pokok.
- 5.4 **Bendahari, Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari** menjelaskan rizab bantuan tanam semula diperuntukkan sebanyak RM8 juta. Malah tahun sebelumnya juga adalah RM8 juta tetapi KOSMA tidak menghabiskan peruntukan tersebut.
- 5.5 **Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad (Anggota : 1816)** mencadangkan agenda Menimbang dan Meluluskan Pindaan Belanjawan 2019 dan Anggaran Belanjawan 2020 dengan pindaan diluluskan dan dipersetujui sebulat suara oleh Mesyuarat Agung.

AGENDA 6.0**MELULUSKAN ELAUN - ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI
PENGARAH KEPADA SUBSIDIARI KOPERASI - KMA 06/2018**

- 6.1 **Anggota Lembaga, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mewakili Anggota Lembaga membentangkan Kertas Bil-KMA 06/2018 iaitu bagi Meluluskan Elaun - elauan kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa - jawatankuasa dan Saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai Pengarah kepada Subsidiari Koperasi (muka surat 122-123).
- 6.2 Jadual kadar elauan-elaun yang dibentangkan adalah seperti berikut :

JENIS ELAUN	ANGGOTA LEMBAGA		JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN		SUBSIDIARI/ JAWATANKUASA	
	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM
Elaun Mesyuarat	500.00	1000.00	250.00	500.00	250.00	500.00
Elaun Tugas Rasmi/Kerja	100.00	200.00	50.00	100.00	50.00	100.00
Elaun Telefon	200.00	Pengerusi 350.00 Timbalan 300.00 Setiausaha 300.00 Bendahari 300.00 Anggota 200.00	Pengerusi 100.00 Setiausaha 100.00	Pengerusi 100.00 Setiausaha 100.00		
Perubatan	ALK Hospitalisasi (insurans) Had rawatan sakit luar 5,000	ALK Hospitalisasi (insurans) Had rawatan sakit luar 5,000				
Elaun Semasa Kursus	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan				
Bayaran Saguhati Persidangan	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa		

JENIS ELAUN	ANGGOTA LEMBAGA		JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN		SUBSIDIARI/JAWATANKUASA	
	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM	Kadar Sekarang RM	Kadar Baru RM
Elaun Bertugas di Luar Negara	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan				
Elaun Hadir ke mahkamah (disapina)	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan	Ikut kadar elauan kerja/luar kawasan				
Elaun Makan Elaun Harian	150.00 75.00	150.00 75.00	80.00 40.00	80.00 40.00	80.00 40.00	80.00 40.00
Elaun Perjalanan kenderaan	0.85/km	0.85/km	0.75/km	0.75/km	0.75/km	0.75/km
Penginapan	Dengan Resit (tidak lebih) 400.00	Dengan Resit (tidak lebih) 400.00	Dengan Resit (tidak lebih) 250.00			
	Tanpa Resit 200.00	Tanpa Resit 200.00	Tanpa Resit 100.00	Tanpa Resit 100.00	Tanpa Resit 100.00	Tanpa Resit 100.00

6.3 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menyatakan bahawa apa yang dibentangkan adalah sebagai melaksanakan peraturan Koperasi dan kadar tersebut tiada beza dengan apa yang telah diluluskan sebelumnya tahun lepas.

6.4 **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (No. Anggota: 2623)** mencadangkan agenda ini diluluskan dan Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju meluluskan agenda ini.

AGENDA 7.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIAYAI OLEH WANG LEBIHAN KOPERASI INI - KMA.07/2018

7.1 **Timbalan Pengerusi, YH Dato' Haji Abdul Manan bin Abdul Rahman** mewakili Anggota Lembaga, membentangkan Kertas Bil KMA.07/2018 bagi menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi untuk memberi kuasa kepada Lembaga KOSMA mengenai had pelaburan sejumlah RM50 Juta menurut Fasal (2) Undang-Undang Kecil 66:-

- 7.1.1 Mana – mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara atau mana – mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- 7.1.2 Syer mana – mana Koperasi lain;
- 7.1.3 Apa – apa pelaburan dan sekuriti lain pada masa ini dibenarkan di bawah mana – mana Undang – undang bertulis bagi Wang Amanah; atau

- 7.1.4 Lain – lain pelaburan atau kegiatan yang dibenarkan oleh Undang – undang Kecil.
- 7.2 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** mengatakan bahawa agenda ini perlu dibentangkan mengikut dasar yang telah dikeluarkan oleh SKM.
- 7.3 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota:1862-A)** mencadangkan agar agenda ‘Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi ini’ ditolak kerana KOSMA belum menyediakan Aturan mengenai perkara ini. Agenda ini perlu ditangguhkan sehingga Aturan ini disediakan dan mendapat kelulusan pihak SKM.
- 7.4 **Encik Krishnan Johan A/L P.Srinivasan (Anggota:0525-A)** menyokong cadangan **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota:1862-A)** agar agenda ini ditolak / ditangguhkan dahulu sehingga KOSMA menyediakan aturan tersebut seterusnya mendapatkan kelulusan SKM.
- 7.5 **Encik Suhaimi bin Yaakob (Anggota:0581-A)** menyatakan bahawa berkenaan dengan had pelaburan KOSMA, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan bertanggungjawab menentukan corak pelaburan kepada KOSMA. Beliau menjelaskan aktiviti – aktiviti yang telah dijalankan oleh jawatankuasa tersebut kebanyakannya dibuat di luar Kuantan.
- 7.6 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** mengatakan bahawa soalan berhubung Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Pengembangan Perniagaan yang dikemukakan oleh **Encik Suhaimi bin Yaakob (Anggota:0581-A)** telah terkeluar daripada agenda yang sepatutnya, tetapi pandangan dan pertanyaan yang dilontarkan oleh beliau, lembaga mengambil maklum.
- 7.7 **Encik Abd Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota:2153)** memaklumkan bahawa agenda yang dibentangkan ini adalah mengikut Akta Koperasi dan semua Koperasi yang ada diseluruh Malaysia menggunakan Akta tersebut. Beliau menjelaskan bahawa, jika agenda ini diluluskan, KOSMA masih perlu mendapatkan kelulusan daripada SKM untuk membuat apa jua pelaburan. Aturan masih perlu dibuat dan dibentangkan dalam MAT akan datang. Beliau bersetuju agenda yang dibentangkan ini diluluskan.
- 7.8 **Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman (Anggota:2784)** ingin mendapatkan kepastian berhubung had pelaburan yang dibentangkan oleh lembaga samada menggunakan Akta Koperasi 1993 **seksyen 54 (pelaburan wang)** atau **seksyen 54A (Pelaburan dalam harta tak alih)**. Mohon pencerahan daripada Pengarah SKM Pahang mengenai perkara ini.
- 7.9 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan sekali lagi bahawa agenda ini adalah agenda wajib yang perlu dibentangkan mengikut dasar yang telah dikeluarkan oleh SKM. Jika agenda 7 ini tidak diluluskan, maka apa – apa bentuk pelaburan baru selepas ini yang menggunakan wang lebihan koperasi adalah tidak dapat dijalankan. Ini boleh merugikan KOSMA seperti tahun lepas, koperasi tidak boleh melabur dengan mana – mana pelaburan / institusi – institusi kewangan bagi sessi 2018/2019 kerana agenda 7 ini tidak diluluskan.

- 7.10 **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota:1862-A)** masih tidak berpuas hati mengenai perkara ini dan beliau mengatakan bahawa MAT 36 telah menolak agenda ini disebabkan oleh Projek Usahama dengan Ho Hup Construction. Beliau menegaskan sekali lagi supaya agenda ini dapat ditangguhkan dahulu sehingga Aturan Had Pelaburan ini dapat disiapkan dan mendapat kelulusan daripada SKM. Beliau memaklumkan bahawa Had Pelaburan RM50 juta yang ditangguhkan, tetapi KOSMA masih ada agenda 8 iaitu had maksimum keterhutangan koperasi RM50 juta.
- 7.11 **Puan Norfini binti Saad (Anggota:0098-A)** ingin mendapatkan penjelasan daripada Pengarah SKM Pahang, berhubung prosedur – prosedur yang perlu dipenuhi oleh pihak KOSMA tetapi masih belum dipenuhi. Walau bagaimanapun perjanjian Projek Usahama KOSMA dengan Ho Hup Construction telah ditandatangani oleh KOSMA, beliau memohon pencerahan daripada Pengarah SKM mengenai perkara ini.
- 7.12 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menjelaskan;
- 7.12.1 bahawa agenda ini sudah termaktub dalam perkara 14 bawah Peraturan koperasi 2010 semua koperasi perlu membentangkan agenda ini dalam Mesyuarat Agung. Beliau menjelaskan bahawa anggota KOSMA perlu meneliti UUK 66 iaitu Pelaburan Wang;
 - i. Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.
 - ii. Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung.
 - 7.12.2 Beliau menyambung berhubung perkara ini, anggota KOSMA perlu memahami maksud wang lebihan koperasi yang hendak dilaburkan iaitu wang lebihan yang tidak digunakan sebagai modal. Beliau memaklumkan bahawa, jika agenda ini tidak diluluskan maka, KOSMA tidak dapat membuat apa – apa jua pelaburan seperti tahun lepas, sebagai contoh pembelian tanah, pembelian syer dalam mana – mana institusi dan sebagainya. Jika perkara ini berterusan, bagaimana KOSMA mampu berkembang kerana tidak boleh melabur dalam mana – mana institusi kecuali simpanan tetap sahaja.
 - 7.12.3 KOSMA menggunakan wang lebihan untuk membuat apa – apa pelaburan yang boleh menguntungkan KOSMA dan anggota – anggotanya. Beliau menambah, KOSMA telah melantik Jawatankuasa Risiko, Integriti dan Perundangan, maka jawatankuasa tersebut akan mengkaji dahulu setiap pelaburan yang akan dibuat oleh KOSMA. Beliau juga menasihati kepada koperasi agar menyediakan aturan – aturan yang sepatutnya dan mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Agung.
 - 7.12.4 Menjelaskan bahawa apa jua pelaburan dibawah akta, secara dasarnya KOSMA perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak SKM. Beliau menambah, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan tanah seluas 500 ekar kepada KOSMA dan ini merupakan salah satu daripada pelaburan, ini akan menyukarkan pihak KOSMA jika agenda ini tidak diluluskan.
 - 7.12.5 Beliau menegaskan bahawa anggota KOSMA perlu melihat had pelaburan ini dalam skop yang lebih besar dan bukan sekadar tertumpu kepada Projek Usahama dengan Ho Hup Construction sahaja. Makluman kepada Anggota – anggota KOSMA, Projek Usahasama dengan Ho Hup Construction ini **masih belum mendapat kelulusan daripada SKM**. Beberapa perkara

perlu mendapat kelulusan antaranya adalah;

- i. Proses asal jual beli tanah
- ii. Pelaburan untuk usahasama dengan Ho Hup Construction

Beliau berharap agar anggota KOSMA dapat menimbangkan agenda ini seterusnya dapat melancarkan kerja – kerja pihak Pengurusan KOSMA.

- 7.13 **Puan Norfini binti Saad (Anggota:0098-A)** mengucapkan terima kasih kepada Pengarah SKM di atas penerangan beliau sebentar tadi. Beliau menjelaskan bahawa, beliau berasa terkilan kerana perjanjian itu telah dikaji dan disemak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Integriti dan Perundangan yang dipengerusikan oleh Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah serta seorang pengamal undang – undang Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh. Jawatankuasa ini mendapati bahawa perjanjian itu tidak mendarangkan keuntungan kepada pihak KOSMA, maka adakah KOSMA masih perlu meneruskan projek usahasama tersebut.
- 7.14 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** mengatakan bahawa apa jua kajian dan semakan yang dibuat oleh jawatankuasa, ianya akan berbalik kepada Mesyuarat Anggota Lembaga untuk membuat sebarang keputusan dan kelulusan.
- 7.15 **Puan Norfini binti Saad (Anggota:0098-A)** masih tidak berpuas hati, beliau mengatakan bahawa anggota KOSMA bukan sesuka hati untuk menangguhkan agenda ini, semua anggota KOSMA mahukan yang terbaik tetapi jika pelaburan ini tidak menguntungkan KOSMA, lebih baik KOSMA tidak meneruskannya.
- 7.16 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menjelaskan bahawa keputusan lembaga (dalam koperasi) adalah secara bersama ("consensus"). Beliau menambah, bagaimana keputusan dibuat oleh Lembaga tidak boleh dipertikaikan tetapi kelulusan itu sahaja boleh diambil. Anggota KOSMA perlu yakin dan percaya kepada Anggota Lembaga kerana mereka semua dilantik oleh semua anggota – anggota KOSMA kecuali dua orang wakil kerajaan. Pihak SKM tidak boleh menyentuh mana – mana keputusan Mesyuarat Lembaga melainkan ada penyelewengan yang berlaku. Jika SKM mendapat aduan maka SKM akan siasat perkara tersebut. SKM mempunyai kuasa untuk menyiasat di bawah seksyen 60 dan dibawah Akta SKM. Jika anggota KOSMA masih tidak berpuas hati, bolehlah membuat aduan kepada SKM. Makluman kepada semua anggota KOSMA bahawa, setakat hari ini, pihak SKM tidak pernah menerima sebarang aduan terhadap apa-apa jua perkara.
- 7.17 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** beliau memohon agar anggota KOSMA dapat membuat keputusan yang sewajarnya, setelah mendengar penerangan daripada Pengarah SKM.
- 7.18 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota:1789-A)** ingin mendapatkan pencerahan daripada Pengarah SKM Pahang mengenai pelaburan yang dibuat oleh KOSMA, adakah Anggota Lembaga perlu merujuk kepada anggota KOSMA dalam Mesyuarat Agung untuk mendapatkan kelulusan sebelum apa jua pelaburan dibuat. Anggota – anggota KOSMA berpendapat bahawa setiap pelaburan yang hendak dibuat, perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 7.19 **Puan Norfini binti Saad (Anggota:0098-A)** beliau menambah mengenai penerangan oleh Pengarah SKM Pahang mengenai keputusan yang dibuat oleh

Anggota Lembaga KOSMA adalah secara bersama, beliau menegaskan bahawa pada Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA kali ke 36 tahun lalu, soalan yang ditanya oleh **Encik Rajendiran A/L Duraisamy (Anggota:1862-A)** tidak dijawab, iaitu adakah semua anggota lembaga bersetuju dan membuat keputusan bersama berhubung pelaburan dalam Projek Usahama dengan Ho Hup Construction.

- 7.20 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menjelaskan bahawa beliau kurang pasti di atas pertanyaan anggota **Puan Norfini binti Saad (Anggota:0098-A)**.
- 7.21 **Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Pahang, Tuan Haji Ibrahim bin Kasah** menjawab soalan oleh anggota **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota:1789-A)** iaitu apa jua pelaburan yang perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak SKM, maka koperasi hendaklah membentangkan dalam mesyuarat Agung. Dalam Akta Koperasi 1993 (Akta 502) 54A Pelaburan dalam harta tak alih (1) melainkan jika diperuntukan selainnya dalam peraturan – peraturan dan subseksyen (2), tiada koperasi boleh memperoleh, memegang atau melabur dalam apa – apa harta tak alih, kecuali 54A Pelaburan dalam harta tak alih (2) subseksyen (1) tidak terpakai bagi sesuatu koperasi jika;
- i. pemegang suatu harta tak alih itu adalah bagi pelunasan suatu hutang seseorang anggota koperasi;
 - ii. perniagaannya melibatkan pemerolehan, pelaburan dalam atau penjualan harta tak alih;
 - iii. pemerolehan, pemegangan atau pelaburan suatu harta tak alih itu adalah perlu bagi maksud perjalanan perniagaannya; atau
 - iv. koperasi itu memberi kemudahan perumahan atau kemudahan lain untuk pekerja yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan mereka.
- Beliau menambah bahawa, jika pelaburan yang perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak SKM maka koperasi perlu menyediakan cabutan Minit Mesyuarat Lembaga dan cabutan Minit Mesyuarat Agung yang meluluskan akan perkara tersebut. Anggota KOSMA boleh merujuk kepada garis panduan yang telah disediakan oleh SKM.
- 7.22 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Ab Rahman (Anggota:2175)** mengatakan bahawa melalui ucapan aluan YH Dato' Pengurus ada menyebut bahawa, pihak Kerajaan Negeri Pahang akan memberi tanah seluas 500 ekar kepada KOSMA, jika had pelaburan ini tidak diluluskan, maka KOSMA tidak boleh membuat apa – apa bayaran untuk menyelenggara tanah tersebut.
- 7.23 Mesyuarat dengan ini sebulat suara bersetuju menerima kertas yang dibentangkan tersebut.

AGENDA 8.0

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI. - KMA. 08/2018

- 8.1 **Anggota Lembaga, Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin** membentangkan agenda Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi – KMA 08/2018 (Muka Surat 125). Beliau memaklumkan bahawa tujuan kertas ini dibentangkan adalah untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung bagi memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM50 juta sekiranya perlu daripada mana – mana institusi kewangan berdaftar.

- 8.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan had maksimum keterhutangan Koperasi tidak melebihi RM50 juta, sekiranya perlu, daripada mana – mana institusi kewangan berdaftar.

AGENDA 9.0

MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA EMPAT FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019. - KMA 09/2018

- 9.1 **Anggota Lembaga, YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif** mewakili Anggota Lembaga membentangkan kertas KMA 09/2018 iaitu meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada lima firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. (Muka Surat 126).
- 9.2 Beliau juga menerangkan bahawa tuntutan untuk mengaudit akaun koperasi juga termaktub di dalam seksyen 61 Akta Koperasi 1993 iaitu '**keperluan untuk membentangkan dan meluluskan oleh Mesyuarat Agung sesebuah koperasi juga termaktub Dalam Peraturan 12(1)(g) Peraturan - peraturan Koperasi 1995**', manakala di dalam Undang-Undang Kecil KOSMA adalah berdasarkan kepada UUK 73. Maka beliau bagi pihak Anggota Lembaga KOSMA mengemukakan suatu panel yang terdiri daripada :
- i. Afrizan Tarmili Khairul Azhar
 - ii. McMillan Woods Thomas
 - iii. Ernst & Young
 - iv. Price Waterhouse Coopers
 - v. KPMG Desa Megat & Co
- 9.3 Beliau juga memohon agar anggota pada hari ini memberikan mandat sepenuhnya kepada Anggota Lembaga untuk melantik mana – mana satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun – akaun Koperasi dan Syarikat Subsidiari bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.
- 9.4 **Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad (No.Anggota:1816)** berpendapat supaya anggota memberi kuasa sepenuhnya kepada Anggota Lembaga untuk melantik mana – mana satu Panel Juruaudit Luar yang dibentangkan.
- 9.5 Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima cadangan panel Juruaudit yang dibentangkan dan memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk melantik salah satu daripada panel audit tersebut.

AGENDA 10.0

USUL ANGGOTA LEMBAGA BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE-37-KMA 10/2018

10.1 USUL ANGGOTA LEMBAGA

- 10.1.1 **Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa** mewakili Anggota Lembaga membentangkan Kertas KMA.10.1/2018 (muka surat 127) iaitu bagi mendapatkan kelulusan dan pertimbangan anggota – anggota KOSMA bagi perkara berikut :-
- i. Undang – Undang Kecil 18 (5) KOSMA (Pindaan)

Penama (Asal) - (5) Tertakluk kepada Undang – undang Kecil 11, seseorang wasi atau penama atau wakil yang sah, boleh diterima menjadi anggota Koperasi ini dan, wasi atau penama atau wakil yang sah yang demikian itu, hendaklah menjadi anggota mulai dari tarikh diterima sebagai anggota.

Penama (Pindaan) - (5) **Tanpa** tertakluk kepada Undang – undang Kecil **11(2)(c)**, seseorang wasi atau penama atau wakil yang sah, boleh diterima menjadi anggota Koperasi ini dan, wasi atau penama atau wakil yang sah yang demikian itu, hendaklah menjadi anggota mulai dari tarikh diterima sebagai anggota.

Rasional :-

- i. Bagi membolehkan kesemua wasi / penama kepada anggota yang meninggal dunia, menjadi anggota kecuali yang terhalang oleh salah satu perkara dalam Fasal 11(2) selain daripada Fasal 11(2)(c).
- ii. Pindaan ini hanya berkisar kepada membolehkan wasi/ penama kepada anggota yang meninggal dunia untuk diterima menjadi anggota dengan nombor keanggotaan yang sama, Cuma ditambah abjad A,B dan seterusnya menunjukkan lapisan generasi yang menerima keanggotaan ini seperti yang telah dilaksanakan sekarang ini.
- iii. Cadangan pindaan ini akan memberi peluang dan ruang yang sama untuk semua wasi/ penama anggota samada berada di dalam kawasan operasi atau tidak.

- 10.1.2 **Anggota Lembaga, Encik Azaham Shah bin Dato' Badrillah** menyokong usul ini untuk diterima dan beliau menjelaskan bahawa SKM telah memberikan pandangan ke atas pindaan ini dan KOSMA telah membetulkan mengikut panduan yang diberikan. Beliau berterima kasih kepada semua ahli jawatankuasa Risiko, Integriti dan Perundangan di atas usaha berterusan sehingga pindaan ini dapat dibuat.
- 10.1.3 **Encik Ng Kee Huat (Anggota:2376)** meminta agar penama / wasi boleh diletakkan lebih daripada seorang.
- 10.1.4 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan bahawa dalam UUK KOSMA hendaklah menamakan seorang wasi / penama sahaja. Tetapi, jika anggota itu telah meninggal dunia, maka penama (jika meletakkan anak sebagai penama) perlu mendapatkan persetujuan adik beradik (borang pengesahan/ persetujuan akan disediakan oleh bahagian keanggotaan).
- 10.1.5 **Encik Harbhajan Singh A/L Jagar Singh (Anggota:0633)** beliau berterima kasih di atas usul yang dibentangkan ini, tetapi beliau ingin mendapatkan penjelasan berhubung penama yang telah ditolak sebelum ini mohon agar diterima semula dan diluluskan keanggotaan mereka.
- 10.1.6 **Pengerusi, YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh** menjelaskan bahawa seramai 19 orang penama telah ditolak dan seramai 7 orang permohonan mereka ditangguhkan, Mesyuarat pada hari ini bersetuju agar permohonan seramai 19 orang terdahulu yang ditolak akan dibawa semula ke mesyuarat dan penangguhan seramai 7 orang akan dibawa ke mesyuarat untuk diluluskan, setelah pindaan UUK 18(5) KOSMA ini diluluskan oleh SKM.

- 10.1.7 Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul Anggota Lembaga yang dibentangkan.

10.2 USUL - USUL ANGGOTA

Setiausaha, YH Dato' Haji Khadri bin Musa menjelaskan bahawa Lembaga telah menerima enam (6) usul daripada anggota. Semua usul yang diberikan oleh anggota KOSMA telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Usul dan telah diteliti kesemuanya.

10.2.1 USUL YANG DITERIMA (BERTINDIH DENGAN USUL LEMBAGA)

PENCADANG:

ENCIK HARBAHAN SINGH A/L JAGAR SINGH (ANGGOTA:0633)

PENYOKONG :

ENCIK SHAHABUDDIN BIN ABIDIN (ANGGOTA:1807-A)

- i. **PINDAAN UNDANG - UNDANG KECIL KOSMA BAHAGIAN 4 KEANGGOTAAN FASA 18(5) PENAMA**

ULASAN

Ada usul Lembaga berkaitan cadangan ini dan ianya bergantung kepada kelulusan mesyuarat agung dan kelulusan SKM.

10.2.2 USUL YANG DITERIMA TANPA BAHAS

PENCADANG :

YH DATO' HAJI AZLAN BIN UZIR (ANGGOTA:2002-A)

PENYOKONG :

KHADIJAH NOOR BINTI HAJI ABDUL AZIZ (ANGGOTA:1872)

- i. **INTERIM DIVIDEN DAN DIVIDEN AKHIR UNTUK PEMEGANG UNIT LADANG.**

ULASAN

Tidak bercanggah dengan UUK dan perlukan kelulusan MAT.

- ii. **MENDAPATKAN KHIDMAT NASIHAT DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA(SPRM), NEGERI PAHANG DALAM CARA - CARA MEMBANTERAS RASUAH DALAM KESELURUHAN OPERASI KOPERASI TERUTAMANYA (1) PERLADANGAN KELAPA SAWIT, (2) PAJAK GADAI AR RAHNU DAN (3) PERHOTELAN SERTA AKTIVITI - AKTIVITI LAIN YANG AKAN DICEBURI KOSMA YANG DIFIKIRKAN WAJAR.**

ULASAN

KOSMA sentiasa bekerjasama/memberi kerjasama dengan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang menjalankan /melaksanakan tugas.

PENCADANG :

ENCIK BADARUDDIN BIN HAJI MOKHTAR (ANGGOTA:2393)

PENYOKONG :

ENCIK AZMAN BIN KHADITH (ANGGOTA:1374-A)

- iii. **ADALAH DICADANGKAN SEMUA KERJA - KERJA KONTRAK DI**

LADANG KOSMA HENDAKLAH DIBERI KEUTAMAAN KEPADA AHLI - AHLI KOSMA

ULASAN

Telah beberapa kali diumumkan dalam mesyuarat agung supaya anggota - anggota yang terlibat dengan perniagaan, mendaftarkan syarikat perniagaan mereka sebagai panel KOSMA. Mereka akan dipanggil untuk menyertai tender dan sebutharga mengikut bidang perniagaan mereka setiap kali tender/sebutharga dikeluarkan/diperlukan. Namun keputusan masih berdasarkan merit serta harga yang menguntungkan KOSMA dan anggota - anggota yang lain.

10.2.3 USUL YANG DITERIMA UNTUK DIBAHASKAN

PENCADANG :

TUAN HAJI ISMAIL BIN ABD RAHMAN (ANGGOTA:2784)

PENYOKONG :

ENCIK RASLI BIN SUBOH (ANGGOTA:2233)

i. ADALAH DICADANGKAN PROJEK USAHASAMA KOSMA DENGAN HO HUP CONSTRUCTION SDN BHD DITOLAK DAN TIDAK DITERUSKAN.

ULASAN

1. Perjanjian usahasama dengan Ho Hup Construction Sdn Bhd telah ditandatangani dan implikasi, khususnya dari segi kewangan, amatlah besar kepada KOSMA.
2. Projek besar sebegini sememangnya tidak menguntungkan dalam jangkamasa pendek tetapi akan menguntungkan dalam jangkamasa panjang.
3. Mengikut JVA;
 - i. Tanah KOSMA yang bernilai semasa RM12 juta, dinilaiakan RM25juta oleh Ho Hup.
 - ii. KOSMA meminta Ho Hup membina menara KOSMA yang mengandungi Hotel bertaraf 3 bintang merangkumi 105 bilik termasuk lobi dan kemudahan cafeteria ditingkat bawah bernilai RM30.975 juta dan 3 tingkat pejabat di atas hotel dengan harga RM7.083 juta, Jumlah keseluruhan ialah RM38.058 juta.
 - iii. Setelah ditolak RM25 juta nilai tanah oleh Ho Hup, maka KOSMA perlu menambah bayaran sebanyak RM13.058 juta.
 - iv. Kajian telah dibuat termasuklah untuk membina Hospital Pakar dan sebagainya, tetapi akhirnya KOSMA memutuskan untuk membina hotel kerana KOSMA telah sedia mencebur sektor perhotelan ini.

10.2.4 USUL YANG DITERIMA DAN DITANGGUHKAN

PENCADANG:

ENCIK RASLI BIN SUBOH (ANGGOTA:2233)

PENYOKONG:

TUAN HAJI ISMAIL BIN ABD RAHMAN (ANGGOTA:2784)

- i. ADALAH DICADANGKAN AGAR EKUITI KOSMA DALAM SYARIKAT WUJUD WAWASAN SDN BHD DITINGKATKAN DARIPADA 49% KEPADA 60% DAN PROSPER GROUP DIKURANGKAN DARIPADA 51% KEPADA 40%.**

ULASAN

Perjanjian tersebut berakhir pada 31 Mei 2025. Sebelum tempoh tersebut tamat dan sekiranya perjanjian ingin diperbaharui, bolehlah dirundingkan segala terma – terma syarat yang baru untuk persetujuan bersama.

10.2.5 USUL YANG DITOLAK

PENCADANG :

YH DATO' HAJI AZLAN BIN UZIR (ANGGOTA:2002-A)

PENYOKONG :

KHADIJAH NOOR BINTI HAJI ABDUL AZIZ (ANGGOTA:1872)

- i. INTERIM DIVIDEN DAN DIVIDEN AKHIR UNTUK PEMEGANG MODAL SYER.**

ULASAN

Bercanggah dengan UUK kerana keputusan kadar dividen boleh bayar memerlukan kelulusan mesyuarat agung dan kelulusan SKM berdasarkan akaun beraudit berkahir 31 Disember setiap tahun.

PENCADANG :

ENCIK AZMAN BIN KHADITH (ANGGOTA:1374-A)

PENYOKONG :

ENCIK BADARUDDIN BIN HAJI MOKHTAR (ANGGOTA:2393)

- ii. KEANGGOTAAN, UNIT LADANG DAN MODAL SYER WAKIL KERAJAAN**

- a. ADALAH DICADANGKAN KEANGGOTAAN UNIT LADANG DAN MODAL SYER YANG DIPERUNTUKAN KEPADA WAKIL KERAJAAN ADALAH SECARA KONTRAK.**
- b. KEANGGOTAAN UNIT LADANG DAN MODAL SYER AKAN DITAMATKAN SEBAIK SAHAJA TEMPOH PERKHIDMATAN ANGGOTA LEMBAGA ITU TAMAT.**
- c. KEANGGOTAAN UNIT LADANG DAN MODAL SYER TERSEBUT KEMUDIANNYA AKAN DIPINDAHKAN KEPADA WAKIL KERAJAAN BARU.**
- d. UNIT LADANG YANG DIPERUNTUKAN UNTUK WAKIL KERAJAAN JUGA HENDAKLAH DIHADKAN KEPADA 2 UNIT SAHAJA SEBAGAIMANA AHLI BARU DAN BUKANNYA SEPERTI ANGGOTA LEMBAGA YANG DIPILIH OLEH MESYUARAT AGUNG TAHUNAN.**

ULASAN

Bercanggah dengan UUK dan Akta kerana tiada anggota yang boleh diterima secara kontrak. Disamping itu, tiada anggota yang boleh dilucutkan keanggotaan selagi mana mereka tidak melanggar sebarang peruntukan dalam UUK dan Akta.

- 10.3 Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju menerima usul-usul daripada anggota kecuali usul yang ditolak kerana bercanggah dengan uuk dan Akta Koperasi.

AGENDA 11.0**PELANTIKAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA :**

- 1. USUL PELANTIKAN DUA (2) ORANG WAKIL KERAJAAN NEGERI PAHANG DALAM ANGGOTA LEMBAGA YANG DICALONKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG**
- 2. MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA UNTUK PENGGAL 2019-2022 (3 TAHUN) - KMA. 11/2018**

11.1 USUL PELANTIKAN DUA ORANG WAKIL KERAJAAN NEGERI PAHANG DALAM ANGGOTA LEMBAGA.

- 11.1.1 **Anggota Lembaga, YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim** membentangkan Kertas Bil. KMA 11/2018 bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung terhadap usul memilih dan melantik dua (2) orang wakil kerajaan Negeri Pahang sebagai Anggota Lembaga KOSMA (muka surat 127), iaitu :
- i. YB Dato' Haji Nazri bin Ngah
 - ii. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz
- 11.1.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul yang dibentangkan tersebut.

11.2 MEMILIH TIGA ORANG ANGGOTA LEMBAGA

- 11.2.1 **Pengurus Besar** selaku Pengurus Jawatankuasa Pemilihan dan Pengundian MAT-37 memaklumkan seramai 1,317 anggota yang telah berdaftar dan yang layak untuk mengundi seramai 1305 orang sehingga jam 11.00 pagi. Seterusnya secara ringkas memberi beberapa makluman kepada semua anggota dan petugas sebelum sesi pengundian dimulakan. Seterusnya mengikut agenda 11.2 memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga menurut Undang-undang Kecil (UUK) 38(1) satu pertiga daripada anggota Lembaga yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota Lembaga yang mengosongkan jawatannya di bawah UUK 37 (1) ini adalah:
- i. YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh
 - ii. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari
 - iii. YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif
- Dengan ini terdapat tiga (3) kekosongan anggota Lembaga yang akan dipertandingkan dalam pemilihan anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini. Pemilihan tiga (3) orang anggota Lembaga akan dijalankan secara Undi Sulit menurut peruntukan – peruntukan Undang – undang Kecil 36 serta aturan – aturan yang dibuat dibawahnya. Mesyuarat Agung yang bersidang pada hari ini (16 Jun 2019) adalah dipohon untuk: Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2019-2022 (3 tahun).

- 11.2.2 **Tuan Haji Abdullah bin Abu Bakar (Anggota:2059-B)** ingin membuat bantahan, merujuk kepada calon bernombor 11 iaitu YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif. Makluman kepada semua anggota KOSMA, calon ini telah digantung sebagai Anggota Jemaah Pengarah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkuatkuasa pada 1 Jun 2018 atas sebab salah laku dan tadbir urus NAFAS.

Soalan beliau, adakah calon bernombor 11, YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif layak untuk dipertimbangkan untuk menjadi Anggota Lembaga Pengarah KOSMA sedangkan beliau mempunyai kes salah laku dengan NAFAS.

- 11.2.3 **Pengurus Besar** memaklumkan bahawa berdasarkan surat Penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi Pelantikan Anggota Lembaga Koperasi Serbausaha di bawah Subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993, kepada Setiausaha Koperasi bertarikh 25 April 2019, kesemua 12 calon layak bertanding termasuklah calon No. 11.
- 11.2.4 **Pengurus Besar** meneruskan agenda pengundian dengan memberikan ringkasan makluman kepada anggota – anggota KOSMA.
- Mengumumkan seramai 12 orang calon anggota yang telah menawarkan diri untuk bertanding dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA kali ke-37.
 - Anggota – anggota KOSMA perlu memilih tiga (3) orang anggota lembaga.
 - Anggota perlu mengambil kertas undi masing-masing dan tidak dibenarkan menghantar wakil untuk mengundi.
 - Akan dimulakan dengan Anggota Kurang Upaya untuk mengambil kertas undi.
 - Jawatankuasa Pengundian dan RELA akan berada berhampiran dengan tempat mengundi. Kerjasama daripada anggota – anggota untuk melicinkan perjalanan pengundian diucapkan ribuan terima kasih.
 - Beliau mengarahkan semua petugas-petugas dan pihak ANGKASA mengambil tempat di bahagian yang telah ditetapkan untuk mengedarkan kertas undi kepada semua anggota.
 - Nama-nama calon yang bertanding untuk tiga kekosongan jawatan Anggota Lembaga ialah:-

BIL	NAMA	NO.ANGGOTA
1	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	2481
2	YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	2002-A
3	Encik Rasli bin Suboh	2233
4	YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	1918
5	Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman	2784
6	Tuan Haji Muslim bin Umar	2382
7	Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	2325
8	Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	1816
9	Puan Puteri Ruziyana binti S'aban	2200
10	Encik Muhammad Radzi bin Abd Rahman	2115
11	YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif	2247
12	Encik Jisshaelyz bin Hamzah	2819

- viii. Sebelum mengumumkan keputusan pemilihan, perkara-perkara berikut telah dimaklumkan kepada Mesyuarat Agung iaitu :-

JUMLAH	
Jumlah Kehadiran sehingga jam 11.00 pagi	1305
Jumlah keseluruhan kertas undi keluar	1118
Jumlah kertas undi diterima	1086
Jumlah kertas undi rosak	32

- ix. Pengerusi Jawatankuasa Pengundian mengumumkan keputusan penuh pemilihan mengikut undi yang diperolehi seperti berikut :-

BIL	NAMA	JUMLAH UNDI
1	YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif	601
2	Encik Rasli bin Suboh	528
3	YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	521
4	Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	504
5	Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman	429
6	Puan Puteri Ruziyana binti S'aban	243
7	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	123
8	YH Dato' Haji Azlan bin Uzir	78
9	Encik Jisshaelyz bin Hamzah	77
10	Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	76
11	Tuan Haji Muslim bin Umar	63
12	Encik Muhammad Radzi bin Abd Rahman	13

- x. Calon-calon tempat pertama (1) hingga ketiga (3) yang terpilih sebagai Anggota Lembaga bagi penggal 2019-2022 ialah :-

BIL	NAMA	JUMLAH UNDI
1	YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif	601
2	Encik Rasli bin Suboh	528
3	YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	521

12.0 PENANGGUHAN

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir dan semua yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA kali ke 37. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada calon-calon yang berjaya dan kepada calon-calon yang tidak berjaya jangan berputus asa. Beliau mohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang timbul semasa majlis dijalankan. Sebagai penutup, beliau mengucapkan selamat kembali ke destinasi masing-masing. Beliau dengan ini menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 37 ini ke tahun hadapan.

Mesyuarat Agung ditangguhkan pada jam 8.15 malam.


DRS KAMARAZAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN
SETIAUSAHA
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(BIL : (30) DLM KOSMA/SKRT – MAT-37)

■ AGENDA : 3

KERTAS BIL : KMA.03/2022

MENIMBANG LAPORAN PENTADBIR BAGI TEMPOH 2020 - 2023

1.0 TUJUAN

Laporan Pentadbir Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) ini dikemukakan untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Penyerahan Koperasi bagi memberi makluman serta mengesahkan perjalanan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) di bawah pengambilalihan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui lantikan Pentadbir di bawah Seksyen 69C(2) Akta Koperasi 1993.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pembubaran Anggota Lembaga KOSMA (ALK)

- a) Satu pemeriksaan di bawah seksyen 64 Akta Koperasi 1993 [Akta 502] telah dijalankan ke atas Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (Koperasi), No Daftar : 4361 pada 11 hingga 14 Ogos 2020. Dapatan daripada pemeriksaan didapati telah berlaku ketidakpatuhan terhadap Akta 502, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 (Peraturan), Undang-undang Kecil Koperasi (UUK), dan Aturan-aturan. Koperasi didapati telah gagal mematuhi seksyen 26(c) Akta 502 dan Undang-undang Kecil Koperasi Fasal 11(2)(c) dengan mengambil 42 orang anggota yang tidak bermastautin sekurang-kurangnya 10 tahun atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi ini. Sehubungan itu, pada 17 November 2020 ALK KOSMA dibubarkan dan diambilalih pentadbiran oleh Pentadbir yang dilantik oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- b) Pentadbiran koperasi oleh Pentadbir adalah bagi tempoh 3 bulan iaitu dari 17 November 2020 sehingga 15 Februari 2021.
- c) ALK KOSMA telah dibubarkan sekali lagi pada 26 Mac 2021 melalui peruntukan Seksyen 69(1)(iv)(c) Akta Koperasi 1993 [AKTA 502] kerana koperasi gagal berfungsi disebabkan ketidakcukupan kuorum ALK dimana Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi menetapkan bahawa kuorum mesyuarat ALK hendaklah melebihi satu per dua daripada bilangan ALK menurut UUK 35, iaitu 6 daripada 11 ALK.
- d) Terdapat keputusan ALK yang memudaratkan kepentingan koperasi dan anggotanya yang mana keputusan itu dibuat melalui kehadiran 2 ALK yang sah sahaja manakala 3 lagi yang hadir telah ditamatkan keanggotaannya oleh Pentadbir sebelum dikembalikan semula oleh SKM kepada ALK pada 15 Februari 2021.
- e) Ketidakcukupan kuorum ALK juga mengakibatkan ALK tidak mempunyai punca kuasa untuk melaksanakan Perintah Bertulis daripada SKM yang dikeluarkan melalui Seksyen 67 Akta Koperasi 1993. Malah ketidakcukupan kuorum ini telah menganggu perjalanan operasi koperasi kerana salah satu komponen utama dalam koperasi tidak dapat berfungsi untuk bergerak.

2.2 Pelantikan Wakil Kerajaan Negeri Pahang dalam Jawatankuasa Pentadbir

- a) Pihak Pentadbir dengan kerjasama antara SKM dan Kerajaan Negeri Pahang telah menubuhkan satu jawatankuasa yang diberikan nama Jawatankuasa Pentadbir KOSMA. Fungsi Jawatankuasa Pentadbir ini adalah untuk memberikan nasihat dan pandangan berkenaan pengurusan dan operasi koperasi serta membantu Pentadbir dalam memutuskan sesuatu perkara.
- b) Senarai Jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada Pegawai Professional dan Pengurusan daripada Kerajaan Negeri Pahang dan SKM adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
Encik Zahari bin Abdul Aziz	Pentadbir	25 Mac 2021
Dato' Sri Dr Sallehuddin bin Ishak (YB SUK Pahang)	Wakil kerajaan Negeri Pahang	23 April 2021
YB Dato Saiful Edris bin Zainuddin (YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang)	Wakil kerajaan Negeri Pahang	23 April 2021
Dato' Haji Md Yusli bin Ibrahim Mohd Yunus (SUSK MB Pahang)	Wakil kerajaan Negeri Pahang	23 April 2021
Encik Radiatul Fitri bin Dollah (Pengarah SKM Pahang) - Lantikan sehingga 15 Mac 2022	Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia	26 Mac 2021

- c) Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir bersidang pada setiap bulan dan telah bersidang sebanyak 19 kali sehingga bulan Mac 2023. Segala keputusan Pentadbir yang telah dibuat adalah berdasarkan pandangan serta saranan yang diberikan ketika persidangan tersebut dijalankan.
- d) Jawatankuasa Pentadbir telah mengadakan 19 Mesyuarat iaitu 16 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir dan 3 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Khas seperti Jadual di bawah :-

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
1 02-03.12.2020	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 1-2020
2 24.12.2020	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir KOSMA Khas Bil 1/2020
3 18.01.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 2/2021
4 26.04.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 3/2021
5 01.06.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 4/2021
6 23.07.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 5/2021
7 22.09.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 6/2021
8 11.11.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 7/2021
9 27.12.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Khas Bil 2-2021
10 27.01.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 8/2022
11 24.02.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 9/2022
12 05.04.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 10/2022
13 23.05.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 11/2022
14 22.07.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 12/2022

15	30.08.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 13/2022
16	17.10.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir 14/2022
17	08.12.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Khas Bil 3/2022
18	31.12.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 15/2022
19	15.03.2023	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Bil 16/2023

- e) Sehingga 15 Mac 2023, senarai kehadiran Jawatankuasa Pentadbir bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	YH Dato' Zahari bin Abdul Aziz	Pentadbir	19/19
2	YB Dato' Sri Dr Sallehuddin Bin Ishak	Wakil Kerajaan	17/17
3	YB Dato Saiful Edis Bin Zainuddin	Wakil Kerajaan	14/16
4	YH Dato' Haji Md Yusli Bin Ibrahim Mohd	Wakil Kerajaan	17/17
5	Encik Radiatul Fitri bin Dollah	Penolong/ Timbalan Pentadbir	10/12
6	Puan Shahirah Binti Mohamad	Penolong Pentadbir	3/3

- f) Jawatankuasa Pentadbir telah dibubarkan pada 23 Mac 2023 oleh Pentadbir.

2.3 Pentadbir YH Dato Zahari bin Abdul Aziz telah ditamatkan pada 25 Mac 2023 dan digantikan dengan YBhg Dato' Haji Zazali bin Haron sebagai Pentadbir KOSMA yang baru.

3.0 **MAKLUMAT ASAS KOPERASI (SETAKAT 31 MAC 2023)**

Nama Koperasi	:	Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)
No Daftar	:	4361
Tarikh Daftar	:	4 Disember 1967
Bilangan Anggota	:	1,397 anggota
Modal Syer	:	RM 55.54 juta
Jumlah Aset Bersih	:	RM 628.61 juta
Unit Ladang	:	RM 12.94 juta
Audit terakhir	:	31 Disember 2022
Dividen 2021	:	50% (RM 28.61 juta)
Agihan Untung Ladang 2021	:	RM 6,000 seunit berjumlah RM 30.73 juta
MAT Terakhir	:	16 Jun 2019
Fungsi	:	Pertanian
Aktiviti	:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perladangan Kelapa Sawit (15,448.30 hektar) 2. Perhotelan (Hotel Boutique dan Hotel Business) 3. Perniagaan Ar Rahnu Kuantan & Temerloh

Bilangan pekerja	:	130 pekerja
Subsidiari Koperasi	:	1. KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%) 2. KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%) 3. Wujud Wawasan Sdn Bhd (Syarikat Usahasama)

4.0 KEDUDUKAN KEWANGAN KOPERASI

4.1 Kedudukan kewangan Koperasi sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:-

	Tahun Kewangan berakhir 31/12/2020 RM, juta	Tahun Kewangan Sehingga 31/12/2022 RM, juta
Aset Bukan Semasa	838.864	768.485
Aset Semasa	84.383	108.728
Jumlah Aset	923.247	877.214
Liabiliti Bukan Semasa	168.644	133.700
Liabiliti Semasa	52.066	96.234
Modal, Rezab dan Kumpulan Wang Anggota	702.536	647.280
Jumlah Liabiliti dan Kumpulan Wang	923.247	877.214

4.2 Kedudukan kewangan tunai semasa KOSMA setakat 31 Mac 2023 adalah seperti berikut:-

Bil	Perkara	Jumlah (RM'000)
1	Tunai	97
2	Tunai di Bank	13,448
3	Simpanan Tetap dan Dana Pengurusan Tunai	152,510
	Jumlah (a)	166,055

4.3 Hasil Pendapatan dan Perbelanjaan Ladang KOSMA 31 Disember 2020 berbanding 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:-

	Tahun Kewangan berakhir 31/12/2020 RM, juta	Tahun Kewangan Sehingga 31/12/2022 RM, juta
Pendapatan/Jualan BTB	144.665	237.564
Perbelanjaan Mengurus Ladang	34.286	40.746
Pelbagai Pendapatan	0.071	0.038
Perbelanjaan Pentadbiran Ladang	25.745	45.575
Yuran pengurusan koperasi dan rezab am ladang	(14.387)	(23.444)
Keuntungan Bersih Ladang	55.463	112.250

4.4 Penyata pendapatan dan perbelanjaan koperasi bagi tahun kewangan 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2022

	Tahun Kewangan berakhir 31/12/2020 RM, juta	Tahun Kewangan Sehingga 31/12/2022 RM, juta
Pendapatan	47.175	98.262
Kos Langsung (Koperasi, Hotel & Ar-Rahnu)	(2.118)	(2.433)
Keuntungan Kasar	45.057	95.828
Perbelanjaan Pentadbiran	(8.557)	(12.585)
Keuntungan Bersih Koperasi*	36.499	83.243

* Keuntungan bersih koperasi dipindahkan ke akaun pembahagian keuntungan bayaran dividen modal saham 2022 (55%), 2020 (30%).

5.0

TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH PENTADBIR

5.1 Program Pemutihan Keanggotaan Koperasi

Ini adalah salah satu tugas utama Pentadbir seperti yang dinyatakan dalam Terma Rujukan Pentadbir. Bagi tujuan pemutihan ini, semakan dibuat ke atas semua anggota berkaitan dengan kelayakan menjadi anggota pada “point of entry”.

Setakat 15 Jun 2022, terdapat seramai 228 daripada 938 anggota koperasi yang disemak, telah ditamatkan keanggotaannya kerana secara jelas tidak mematuhi peruntukan Seksyen 26 Akta Koperasi 1993 dan juga UUK 11 berkenaan pra syarat untuk menjadi anggota koperasi.

Bilangan	Surat Semakan	Surat Penamatan
34 orang	2 Februari 2021	30 April 2021
16 orang	25 dan 30 Jun 2021	19 Ogos 2021
38 orang	3, 6 dan 8 September 2021	29 November 2021
140 orang	3, 6 dan 8 September 2021	14 Mac 2022 & 20 April 2022

Dalam membuat tindakan pemutihan ini, Jawatankuasa Pentadbir telah mengambil inisiatif dalam menilai kelayakan seseorang anggota tersebut terutamanya mengikut fasal 11 (2)(c) UUK KOSMA dan di bawah Seksyen 26 Akta 502 serta mengikut Peraturan 12 (Peraturan-peraturan Koperasi 2010).

Tindakan pemutihan ini dijalankan bersesuaian dengan Perintah Bertulis SKM dibawah Seksyen 67 Akta Koperasi 1993 untuk Koperasi menamatkan keanggotaan koperasi terhadap ke semua anggota yang menjadi anggota yang tidak memenuhi kriteria dan pra syarat yang ditetapkan.

Dalam membuat penamatan ini, Pihak Pentadbir terlebih dahulu menghantar surat kepada ke semua yang terlibat bagi memberi peluang kepada mereka untuk menjelaskan status mereka berkenaan kriteria dan pra syarat yang telah ditetapkan. Melalui maklumbalas yang diterima oleh Pentadbir daripada pihak-pihak tersebut, pentadbir seterusnya membuat tindakan penamatan bagi anggota-anggota yang secara jelas tidak menepati syarat yang ditetapkan.

Anggota Lembaga yang akan dipilih diminta meneruskan semakan dan tindakan yang sewajarnya kepada baki fail anggota yang belum disemak.

Pentadbir juga memberi peluang kepada pihak-pihak yang terlibat untuk mengemukakan rayuan berkenaan penamatian tersebut terutamanya bagi mana-mana anggota yang gagal memberikan jawapan dalam masa yang telah ditetapkan.

Bagi anggota-anggota yang meninggal dunia, pematuhan Fasal 21(1)(a) – Terhenti Menjadi Anggota dan penyelesaian wang anggota dibuat mengikut Fasal 24(1)(c). Penama atau wasi atau wakil yang sah kepada si mati boleh memohon menjadi anggota mengikut Fasal 12 – Permohonan Menjadi Anggota dan penerimaan dibuat mengikut Fasal 15 – Penerimaan Menjadi Anggota tertakluk kepada Fasal 11 – Kelayakan Menjadi Anggota.

5.2 Pemeriksaan Audit Forensik dan Tindakan

Pentadbir melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir telah melantik Tetuan Syam & Co iaitu Firma Audit yang pakar dalam menjalankan pemeriksaan forensik untuk mengenalpasti ketirisan yang berlaku di KOSMA yang memerlukan tindakan pembetulan. Pemeriksaan audit forensik bermula daripada 01 Disember 2021 sehingga 02 Mac 2022 dan telah menyerahkan laporan pemeriksaan tersebut kepada Koperasi pada Bulan April 2022. Pihak Audit Forensik juga telah membuat penerangan kepada pihak SKM pada 15 Julai 2022 sehingga 17 Julai 2022.

Sebahagian dapatan daripada laporan pihak Audit Forensik juga telah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa/Berwajib oleh Pentadbir KOSMA dan masih di dalam tindakan pihak berkuasa.

Laporan lengkap Audit Forensik ini juga telah dikemukakan ke Bahagian Pengukuhan SKM, bagi membolehkan pihak SKM mengambil Tindakan susulan.

Terdapat juga laporan Audit Forensik yang perlu dibuat ratifikasi oleh Pentadbir terutamanya dalam hal pengurusan koperasi bagi membaik pulih koperasi ini. Laporan yang berkait dengan ratifikasi adalah Perjanjian Pembangunan dengan Ho Hup Berhad, status tanah yang hendak dibangunkan menjadi Bangunan bertingkat dan Pejabat Kosma serta keselamatan pergerakan.

5.3 Kerja-Kerja Ratifikasi Yang dilakukan

Kerja-kerja ratifikasi yang dilakukan adalah seperti berikut :-

i. Projek Usahasama Pembangunan Tanah Koperasi dengan pihak Ho Hup Construction Company Berhad

Tindakan ratifikasi seterusnya adalah berkaitan dengan Perjanjian Usaha Sama dengan Ho Hup Construction Company Berhad (Ho Hup) yang melibatkan tanah milik KOSMA diserahkan wakil kuasa kepada Ho Hup. Hasil perbincangan antara pentadbir dan Pengurusan KOSMA dengan Pihak Ho Hup, mereka telah bersetuju **membatalkan** perjanjian usaha sama tersebut dan mengembalikan kembali wakil kuasa hakmilik tanah tersebut kepada KOSMA. Pembatalan surat wakil kuasa tersebut telah difailkan dan menunggu untuk didaftarkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

ii. **Isu Pindahmilik 2 Unit Bangunan Milik Koperasi yang dibeli Secara Tunai dari Principle Triangle Sdn Bhd**

Tindakan ratifikasi berkaitan dengan urusan pindahmilik 2 unit bangunan milik koperasi yang dibeli secara tunai dari Principal Triangle. Urusan pindahmilik dilaksanakan oleh ALK terdahulu, sehingga syarikat pemaju telah ditutup. Peguam yang dilantik telah memfailkan kes ini di Mahkamah Tinggi Kuantan dan telah mendapat keputusan penghakiman dari mahkamah membenarkan urusan pindahmilik dibuat. Tindakan susulan selanjutnya adalah daripada pihak KOSMA dengan melengkapkan borang 14A dan dihantar kepada PTG untuk proses pindahmilik.

5.4 Pembinaan 34 Jambatan di Ladang KOSMA

Bagi memudahkan perjalanan perniagaan utama koperasi serta meningkatkan keberhasilan utama buah kelapa sawit dan mengurangkan kos operasi logistik, Jawatankuasa Pentadbir telah meluluskan pembinaan 34 buah jambatan di Ladang KOSMA. Pembinaan jambatan ini melalui proses tatacara kewangan yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pentadbir dan sekaligus dapat menjimatkan wang koperasi.

Pembinaan jambatan-jambatan ini telah melibatkan kos operasi koperasi sebanyak RM2.365 juta daripada peruntukan yang diluluskan sebanyak RM3.5 juta. Penjimatan ini dibuat hasil dari urusan perolehan secara sebutharga dan kontraktor yang dipilih berdasarkan spesifikasi kerja dan harga yang berpatutan ('best value for money'). Projek pembinaan jambatan ini telah 100 peratus siap dengan 34 buah jambatan telah siap sepenuhnya.

5.5 Perjanjian Syarikat Usaha Sama Wujud Wawasan Sdn Bhd antara KOSMA dengan Kilang Kosfarm Sdn Bhd (KOSFARM)

Pada 27 April 2022, Jawatankuasa pentadbir telah menandatangani satu perjanjian lanjutan tempoh Usaha Sama antara KOSMA dengan KOSFARM dan perjanjian tambahan bagi penjualan dan pembelian buah kelapa sawit antara KOSMA dan Wujud Wawasan. Perjanjian asal akan tamat pada 31 Mei 2026 dan telah disambung sehingga 31 Mei 2031.

Kedua-dua perjanjian ini adalah bertujuan untuk menaiktaraf peralatan yang sedia ada pada kilang kelapa sawit milik KOSMA bagi menampung penghasilan minyak kelapa sawit yang semakin meningkat. KOSFARM bertanggungjawab untuk mengeluarkan modal dan membeli peralatan baru bagi kilang yang berada di bawah milikan KOSMA manakala KOSMA bersetuju untuk melanjutkan tempoh KOSFARM bagi pengoperasian kilang milik KOSMA.

Manakala bagi perjanjian seterusnya, pihak KOSMA bersetuju untuk menjual keseluruhan buah kelapa sawitnya kepada Wujud Wawasan dengan harga yang berpatutan dengan melalui caj pengurusan yang baru. Wujud Wawasan adalah syarikat usaha sama antara KOSMA dengan Prosper Group yang mana KOSMA mempunyai ekuiti sebanyak 49% saham dalam Wujud Wawasan.

5.6 Perjanjian Agen Pengurusan Ladang Budi JS Plantation Management Sdn Bhd dengan KOSMA

Pada 27 April 2022, Jawatankuasa Pentadbir telah menandatangani satu perjanjian lanjutan Agen Pengurusan Ladang, Budi JS Plantation Management Sdn Bhd sebagai Agen Pengurusan Ladang KOSMA. Perjanjian asal akan tamat pada 31 Disember 2024 dan telah disambung sehingga 30 April 2030.

5.7 Pembahagian Dividen 50% kepada Anggota KOSMA bagi Kewangan Koperasi berakhir tahun 2021

Disebabkan harga pasaran CPO naik mendadak di pasaran dunia, KOSMA telah memperolehi banyak keuntungan terutamanya dalam penjualan buah kelapa sawit kepada Wujud Wawasan. Hasil keuntungan tersebut telah dikira dan diunjurkan kepada komponen-komponen dalam koperasi.

Manakala bagi pemberian keuntungan kepada anggota, Jawatankuasa Pentadbir telah meluluskan pemberian dividen sebanyak 55% kepada setiap anggota. Namun SKM telah meluluskan pemberian dividen sebanyak 50%. Pemberian dividen dibahagikan kepada dua peringkat iaitu 10% telah diberikan kepada anggota sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri manakala 40% lagi berikan selepas SKM meluluskan pembayaran sebanyak 50% iaitu pada bulan Jun 2022.

5.8 Kebajikan dan Manfaat Anggota KOSMA (Sehingga Tahun Kewangan 31 Disember 2022)

i. Bayaran Bantuan Bencana Banjir

Bantuan Bencana telah dibuat kepada 107 orang anggota mangsa banjir berjumlah RM1,000 seorang.

ii. Bantuan Khairat Kematian dan Pampasan Kematian

Bayaran Khairat Kematian dan pampasan kematian berjumlah RM1,500 telah dibuat bayaran kepada waris 24 orang anggota manakala pampasan kematian berjumlah RM20,000 telah dibuat bayaran kepada waris 24 orang anggota.

iii. Sumbangan Ehsan Covid-19

Sumbangan Ehsan Covid-19 kepada 70 orang anggota KOSMA yang terlibat iaitu berjumlah RM500 seorang.

iv. Bantuan Dermasiswa dan Anugerah Cemerlang

Bagi tahun 2022, seramai 187 anggota/anak anggota telah menerima bantuan dermasiswa mengikut kategori peringkat dan tahap pendidikan. Manakala sumbangan bagi penghargaan Anugerah Kecemerlangan telah diberikan kepada 15 orang anggota/anak anggota yang telah mencapai kecemerlangan di dalam bidang pendidikan mengikut tahap pendidikan yang ditetapkan.

5.9 Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) dan Aturan-Aturan Koperasi

Pindaan undang-undang kecil yang dibawa adalah berdasarkan arahan daripada SKM supaya selaras dengan undang-undang kecil seragam.

Aturan-Aturan juga telah dirangka oleh Pentadbir bagi memastikan perjalanan urus tadbir koperasi lebih telus dan lebih baik. Aturan-aturan yang dirangka adalah seperti berikut:-

- a. Aturan Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- b. Aturan Elaun, Saraan dan Kebajikan.
- c. Aturan Jawatankuasa Audit Dalaman.

Cadangan pindaan ini akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Agung yang akan datang.

5.10 Penstrukturran Pengurusan KOSMA

Pentadbir juga sedang mengambil inisiatif untuk memantapkan lagi pengurusan KOSMA dengan membuat penstrukturran semula pengurusan. Penstrukturran semula ini dijalankan melalui penambahan kakitangan sekaligus membuka peluang pekerjaan.

Penstrukturran ini melibatkan penubuhan beberapa bahagian baru dalam KOSMA yang akan menaiktaraf kualiti pengurusan KOSMA lebih berkesan. Dalam masa yang sama pentadbir telah menjalankan program jati diri dan motivasi kepada kakitangan supaya berkhidmat dengan lebih professional dan berintegriti.

5.11 Projek Pemasangan Bekalan Elektrik TNB

Selama ini, KOSMA menggunakan bekalan elektrik yang dibekalkan oleh Kilang KOSMA dengan kos sekitar RM50 ribu sebulan bagi Kompleks dan perumahan kakitangan. Oleh itu, KOSMA merancang untuk mendapatkan bekalan elektrik secara langsung daripada TNB melalui projek bekalan elektrik luar bandar. Sebagai komitmen daripada KOSMA, KOSMA telah menyumbang sebanyak RM3 juta kepada Kerajaan Negeri bagi menampung sebahagian kos projek tersebut. Namun begitu keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir bersetuju supaya KOSMA menuntut semula wang sumbangan tersebut kerana projek yang dirancang tidak dijalankan.

Hasil perbincangan dengan TNB pada Disember 2022, kos terkini untuk perlaksanaan projek ini adalah RM8.1 juta termasuk kos penyediaan 7 sub-stesyen. Seterusnya KOSMA perlu melantik M&E Konsultan yang berdaftar dengan TNB bagi urusan perolehan. (Rujuk kepada keputusan MJKP pada 15 Mac 2023)

5.12 Projek Pembinaan Rumah Kakitangan dan Pekerja

Projek Pembinaan Rumah Kakitangan dan Pekerja ini sedang dijalankan bagi menampung kuantiti kakitangan dan pekerja yang semakin bertambah. Projek ini melibatkan kos belanja yang diperuntukkan sebanyak RM10.6 Juta yang melibatkan 40 buah rumah bagi kakitangan dan 12 Lot bagi rumah pekerja.

Pembinaan rumah ini melibatkan keperluan perundungan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) terutamanya dalam hal pembinaan rumah yang melibatkan pekerja asing. Dalam hal ini, adalah menjadi satu keperluan terhadap pematuhan kepada perundungan pekerjaan asing yang perlu dipatuhi oleh KOSMA.

5.13 Penamatian Perkhidmatan Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan Koperasi

Pentadbir telah membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan KOSMA berikutan terdapat salahlaku dan perlanggaran terma dan syarat perkhidmatan kakitangan KOSMA. Sebelum penamatian dibuat, pihak Pentadbir telah menggantung perkhidmatan mereka berdua bermula 25 November 2022 atas alasan ingkar perintah yang diberikan melalui Memo Eksekutif yang bertarikh 9 November 2022.

Sepanjang pengantungan mereka, pihak Pentadbir telah memulakan siasatan dalaman dan menemu bual beberapa kakitangan Koperasi. Hasil daripada siasatan tersebut terdapat pelbagai kesalahan dan kecuaian yang didapati yang telah dilakukan oleh Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan.

Pada Januari 2023, pihak Pentadbir telah melakukan sesi "Domestic Inquiry" terhadap mereka berdua. Panel bagi "Domestic Inquiry" adalah terdiri daripada 2 orang wakil Malayan Agriculture Producers Association (MAPA) dan 1 orang wakil SKM. Setelah menerima keputusan daripada pihak penal DI, Pentadbir memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan KOSMA melalui terma buang kerja sepertimana berdasarkan Buku Terma dan Syarat Perkhidmatan Kakitangan KOSMA.

Pihak Pentadbir telah hadir ke beberapa siri perbincangan bersama JPP dengan kedua-dua bekas kakitangan. Hasil perbincangan tersebut, pihak Pentadbir memutuskan untuk membayar saguhati sebanyak 6 bulan berdasarkan gaji pokok yang terakhir bagi Pengurus Besar dan 7.5 bulan berdasarkan gaji pokok yang terakhir bagi Pengurus Kewangan.

Kekosongan bagi kedua-dua jawatan ini telah diisi pada Jun 2023.

5.14 Persempadanan Semula Tanah Ladang milik KOSMA

Lanjutan daripada tindakan permohonan ALK yang terdahulu pada 31 Disember 2021, pihak KOSMA telah menerima Borang 5A dan Notis Hasil Cukai Tahun Pertama daripada pihak Pejabat Tanah Daerah Rompin yang mengarahkan pembayaran premium tanah sebanyak RM17 Juta bagi persempadanan semula meliputi kawasan “*tapping rights*”. Seterusnya, KOSMA telah menyerahkan Notis 12A beserta geran-geran asal kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang untuk proses selanjutnya.

5.15 Pelan Pemulihan Melibatkan Penyusunan Semula Organisasi dan Pengurusan Koperasi

- i. Menyediakan Tatacara Perolehan

Tatacara Perolehan dan Tatacara Kewangan KOSMA yang disediakan adalah berdasarkan tatacara perolehan kerajaan melalui belian terus, sebutharga dan tender. Hasil dapatan pentadbir, KOSMA sebelum ini hanya mengamal proses sebutharga tanpa melalui satu jawatankuasa yang betul dalam menilai dan memberikan perolehan.
- ii. Tatacara Pengurusan Fail dan Rekod

Terdapat beberapa kerja-kerja ratifikasi lain yang dibuat dalam konteks pengurusan dan pentadbiran koperasi. Ini termasuklah dalam penyelarasan, keselamatan dan simpanan fail koperasi.
- iii. Tatacara Pengurusan Aset Alih KOSMA
- iv. Tatacara Pengurusan Setor KOSMA
- v. Pekeliling-pekeliling Pentadbiran
 - Pekeliling dan GP 5S
 - Pekeliling dan GP MGBK
 - Pekeliling dan GP Waktu Kerja Flexi
 - Pekeliling dan GP SKT dan LNPT
- vi. Perjalanan Pentadbiran
 - Pewujudan Waran Perjawatan
 - Perlaksanaan ‘workflow’ LNPT
 - Penggunaan Penyata Perubahan Gaji (Kew.8)
 - Penggunaan Borang Tuntutan Perjalanan (Format perbendaharaan Malaysia)
 - Aturan Latihan
 - Aturan Perjawatan
 - Aturan Perkhidmatan
- vii. Kursus dan Latihan Kakitangan
 - Taklimat Perolehan 2022
 - Taklimat SKT 2023
 - Taklimat Perolehan 2023
 - Bengkel SKT 2023
 - Bengkel Latihan Pengguna Sistem Pendaftaran Aset Berkomputer
- viii. Perancangan Kursus dan Latihan Kakitangan
 - Kursus Aset Alih KOSMA

- Kursus Pengurusan Fail dan Rekod
- Bengkel Tatacara Perolehan
- ix. Rasionalisasi Perjawatan
- x. Perancangan Mengemaskini Bahagian Kewangan
 - Penurunan Had Kuasa dan Tanggungjawab
 - Penambahbaikan Sistem Kewangan

6.0 CADANGAN PENTADBIR UNTUK TINDAKAN ANGGOTA LEMBAGA BARU

6.1 Cadangan Untuk Pembesaran dan Pengubahsuaian Premis Ar-Rahnu Kosma, Kuantan

Pentadbir juga turut mempertimbangkan bagi cadangan untuk membesarakan dan mengubahsuai premis Ar-Rahnu KOSMA, Kuantan. Beberapa faktor telah dipertimbangkan bagi perlaksanaan cadangan ini:

- i. Ruang Menunggu Pelanggan Yang Kecil
- ii. Ruang Kaunter Yang Sempit
- iii. Tiada Ruang Penyimpanan Fail Dan Dokumen.
- iv. Tiada Ruang Server Sistem Dan CCTV Backup
- v. Tiada Ruang Yang Sesuai Untuk Tetamu / Audit

6.2 Memasukkan KOSMA TOURISM SDN BHD Ke Dalam Aktiviti Perniagaan Koperasi.

Untuk memudahkan perniagaan hotel mendapat manfaat dari apa juga kemudahan dan program dibawah SKM-sektor perlancongan dan Hotel seperti Geran Bantuan Sektor Perlancongan SKM dan juga program – program promosi Hotel Koperasi. Koperasi juga lebih mudah untuk menyalurkan bantuan modal kepada hotel tanpa perlu membuat permohonan kepada SKM terlebih dahulu. Sekiranya, Anggota Lembaga tidak bersetuju dengan cadangan ini, tambahan modal bagi menjalankan aktiviti dan operasi hotel perlu disuntik kepada KTSB. Tujuan tambahan modal antara lainnya, untuk membaik pulih bilik-bilik yang telah rosak dan perlu dibaiki juga peralatan-peralatan lain seperti penyaman udara, karpet, tandas, linen dan juga peralatan kafetaria. Kerosakkan peralatan ini menyebabkan bilik tidak dapat dijual dan telah merugikan perniagaan KTSB terutamanya ketika “peak season”. Walaupun KTSB menunjukkan pretasi yang memberangsangkan pada tahun 2022, tambahan modal ini dilihat mampu merancakkan lagi pertumbuhan perniagaannya.

7.0 LAPORAN KOSMA HOLDINGS SDN BHD DAN KOSMA TOURISM SDN BHD

7.1 KOSMA Holdings Sdn Bhd dan KOSMA Tourism Sdn Bhd

KOSMA Holdings Sdn Bhd merupakan syarikat pelaburan strategik yang sentiasa menerokai peluang-peluang pelaburan yang boleh mendatangkan hasil kepada syarikat secara khususnya, dan koperasi secara amnya.

Koop Mart D'KOSMA yang dikelola oleh KOSMA Holdings Sdn Bhd telah ditutup operasinya pada akhir 2018 kerana ingin memberi laluan kepada pihak KOSMA untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan Ar-Rahnu KOSMA Kuantan yang kini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan yang mana kini Ar Rahnu KOSMA mempunyai ruang yang amat kecil dan tidak dapat menampung jumlah pelanggan yang besar dalam satu masa.

KOSMA Holdings Sdn Bhd juga merupakan syarikat "parent" kepada KOSMA Tourism Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti perhotelan iaitu KOSMA Business Hotel, KOSMA Boutique Hotel dan KOSMA Budget Hotel yang semuanya terletak di sekitar bandar Kuantan.



KOSMA Holdings Sdn Bhd sentiasa memantau perjalanan aktiviti KOSMA Tourism Sdn Bhd bagi memastikan perancangan yang telah ditetapkan sentiasa diikuti.

7.2 KOSMA Tourism Sdn Bhd

Kini, bermula 1 Januari 2019, KOSMA Tourism Sdn Bhd telah mengambil alih sepenuhnya operasi cafe KOSMA Business Hotel yang mana kontrak antara IASC Holdings Sdn Bhd KOSMA telah tamat pada 31 Disember 2018. Dengan pengambilalihan operasi kafeteria ini, dapat membantu hotel dalam menyediakan perkhidmatan 'food and beverage' kepada penginap hotel dan orang luar yang menjamu selera di sini. Ini juga dapat menyumbang pendapatan kepada KOSMA Tourism Sdn Bhd hasil daripada operasi kafeteria ini.

Kafeteria KOSMA Business Hotel telah mendapat banyak tempahan acara dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan malah dapat meningkatkan imej KOSMA sendiri dalam bidang ini.

Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd dan KOSMA Tourism Sdn Bhd sentiasa berusaha bagi meningkatkan unjuran positif aktiviti perhotelan untuk berdaya saing dalam bidang ini yang kini kian mencabar memandangkan landskap ekonomi kini tidak menentu polanya.

Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd dan KOSMA Holdings Sdn Bhd tahun 2020 - 2023 adalah seperti berikut :-

Bil	Nama	Jawatan
1.	YH Dato' Zahari bin Abdul Aziz	Pengerusi
2.	YB Dato' Saiful Edris bin Zainuddin	Pengarah
3.	YH Dato' Haji Md Yusli bin Ibrahim Mohd Yunus	Pengarah

8.0

YAYASAN KOSMA

8.1 Pengenalan

Sijil Pemerbadanan" LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN KOSMA berdaftar telah dikeluarkan pada 15hb Mei 2012 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pemegang Amanah didaftar sebagai satu Badan Korporat di bawah peruntukan Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 [Trustees [Incorporation] Act 1952 [Act 258].

Tatacara Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA berdaftar adalah mengikut Surat Ikatan Amanah bertarikh 31hb Januari 2012 dan Surat Ikatan Amanah (Tambahan Pertama) bertarikh 13hb Mei 2019. Yayasan KOSMA telah dilancarkan dengan rasminya pada 26 Februari 2013 yang telah disempurnakan oleh KYDTM Tengku Mahkota Pahang. Mula beroperasi pada tahun 2014 dan pada 12 Mei 2014, pejabat rasmi Yayaan KOSMA telah dirasmikan oleh YB Dato'Sri Hasan Malek.

Senarai nama Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA bagi sesi 2019/2024 :

Bil	Nama	Jawatan
1.	YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	Pengerusi
2.	YH Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Imam Arshad	Timbalan Pengerusi
3.	YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	Pemegang Amanah
4.	YH Dato' Sri Wan Dollah @ Wan Abdullah bin W. Salleh	Pemegang Amanah
5.	YH Dato' Haji Abdul Rahim bin Mohamad	Pemegang Amanah
6.	YH Dato' Haji Ahmad Fuad bin Dato' Haji Ibrahim	Pemegang Amanah
7.	YH Dato' Sri Hajah Noorhuda binti Alias	Pemegang Amanah
8.	Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	Pemegang Amanah

8.2 Status Pengecualian Cukai - Di Bawah Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967

Yayasan KOSMA telah mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) pada 13hb November 2019 hingga 14hb November 2024 untuk tempoh lima (5) tahun.

8.3 Mesyuarat Bagi Tahun 2021/2022

Bagi sessi 2021/2022, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA telah mengadakan mesyuarat sebanyak Empat (4) Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA dan satu (1) Mesyuarat Jawatan Kuasa Kecil Pengurusan Dan Kewangan Yayasan KOSMA.

8.3.1 Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
31.03.2022	Mesyuarat ALPA Yayasan KOSMA Bil 2-2021/2022
22.07.2022	Mesyuarat ALPA Yayasan KOSMA Bil 3-2021/2022
25.10.2022	Mesyuarat ALPA Yayasan KOSMA Bil 4-2021/2022
21.12.2022	Mesyuarat ALPA Yayasan KOSMA Bil 1-2022/2023

8.3.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar Bin Haji Ibrahim	Pengerusi	4/4
2	YH Dato' Haji Abdul Rahman Bin Haji Imam Arshad	Timbalan Pengerusi	4/4
3	YH Dato' Haji Mokhtar Bin Haji Mat Salleh	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	4/4
4	YH Dato' Sri Haji Wan Abdullah Bin Wan Salleh	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	4/4
5	YH Dato' Haji Ahmad Fuad Bin Dato' Haji Ibrahim	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	4/4
6	YH Dato' Haji Abdul Rahim Bin Mohamad	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	4/4
7	YH Dato' Sri Hajah Noorhuda Binti Alias	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	4/4
8	Tuan Haji Ahmad Shukri Bin Johari	Ahli Lembaga Pemegang Amanah	3/4

8.3.3 Mesyuarat Jawatan Kuasa Kecil Pengurusan Dan Kewangan Yayasan KOSMA

Tarikh	Bilangan Mesyuarat
13.12.2022	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengurusan Dan Kewangan Yayasan KOSMA Bil 1-2022/2023

8.3.4 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

Bil	Nama	Jawatan	Kehadiran
1	YH Dato' Haji Abdul Rahman Bin Haji Imam Arshad	Pengerusi	1/1
2	YH Dato' Haji Mokhtar Bin Haji Mat Salleh	Ahli Jawatankuasa	1/1
3	YH Dato' Haji Ahmad Fuad Bin Dato' Haji Ibrahim	Ahli Jawatankuasa	1/1
4	YH Dato' Sri Hajah Noorhuda Binti Alias	Ahli Jawatankuasa	1/1
5	Tuan Haji Ahmad Shukri Bin Johari	Ahli Jawatankuasa	1/1

8.3.5 Aktiviti Yayasan KOSMA Tahun 2022

Aktiviti yang dijalankan.

- i. Akademi Menara Gading (AMG) Kohort XII 2022/2024
 - 13 Januari 2022 – Majlis Pelancaran Buku Aspirasi Menara Gading dan Access Leadership Program.
 - 4 Februari 2022 – Access Leadership Programme
 - 4-6 Februari 2022 – AMG Kem Trial SPM

- 18-20 Februari 2022 – Psikologi dan Latih Tubi SPM
 - 20 Mac 2022 – KDYMM Dipertuan Agong berkenan bercemar duli ke Akademi YASA, Kompleks Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.
 - 10 Mei – Kem Potensi Diri dan Pemilihan Peserta
 - 1 Jun 2022-31 Julai 2022 – Kemahiran Asas dan Latih Tubi Fizik dan Kimia SPM
 - 11 Jun 2022 – Kem Keibubapaan dan Kerohanian
 - 18-19 Jun 2022 – Kerjaya dan Pemilihan ke IPT
 - 29 Julai 2022-1 Ogos 2022 – Kem Kepimpinan dan Kecemerlangan Akademik
 - 1 Ogos 2022-30 September 2022 – Kemahiran Asas dan Latih Tubi Biologi dan Matematik Tambahan
 - 8-12 Oktober – Latihan Fizikal dan Pengurusan Masa
 - Disember 2022 – Mobiliti Pelajar
- ii. Neuro Linguistic Programming
- 27 Januari 2022 – Kem motivasi NLP kepada warga pendidik daerah Maran.
 - 21 November 2022 – Kem motivasi kepada warga pendidik Daerah Lipis
- iii. Ihya Ramadhan
- 1 April 2022 – Program ihya ramadhan kepada masjid,surau,madrasah dan sekolah-sekolah serta sumbangan duit Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2022.


9.0 PERKEMBANGAN PADA TAHUN 2022

9.1 Maklumat Terkini Ladang-Ladang KOSMA

9.1.1 Keluasan kawasan yang matang bagi Ladang KOSMA yang terkini adalah:

BLOK	NAMA LADANG	KELUASAN KAWASAN (HEKTAR)		2021		2022	
		MATANG	BELUM MATANG	MATANG	BELUM MATANG	MATANG	BELUM MATANG
1	Ladang Gajah Jinak	2597.4	-	2597.4	-		
2	Ladang Sungai Kepasing	2104.9	-	2,104.9	-		
4	Ladang Bukit Serlai	1803.8	151.6	1803.8	151.6		
6	Ladang KOSMA 6	1191.4	1112.2	857.4	1461.3		
7	Ladang KOSMA 7	1150.3	505.1	988.2	596		
8	Ladang KOSMA 8	1386.2	1036.4	1521.1	895		
9	Ladang KOSMA 9	2033.6	129.2	1808.1	349.9		
Jumlah		12,267.6	2934.5	11680.9	3453.8		

9.1.2 Profil Umur Pokok Ladang KOSMA



Profil Umur Pokok Kelapa Sawit	Keluasan Tanah (Ha)	Peratusan (%)
> 21 tahun	4,245.3	28%
8 tahun - 20 tahun	6,423.2	42%
4 tahun - 7 tahun	2,235.2	15%
< 3 tahun	2,231	15%
	15,134.7	100.0

9.1.3 Maklumat penanaman semula ladang KOSMA bagi tahun 2022 :

Bil	Ladang	Luas (Ha)	Blok
1	LK6	333	Blok C, M
2	LK7	190.7	Blok H
3	LK8	144.4	Blok H
4	LK9	225.5	Blok K
Jumlah		893.6	

9.1.4 Kadar Perahan Minyak :

Tahun	KOSMA	Pahang	Semenanjung Malaysia
2020	19.8	20.0	19.8
2021	19.99	19.96	19.83
2022	19.30	19.58	19.57

9.1.5 Pengeluaran Hasil Terkini Ladang-Ladang KOSMA.



TAHUN	HASIL (MT)	PURATA HASIL/HEKTAR
2020	235,014	18.30
2021	220,759	18.00
2022	214,317	18.36

Jumlah Keseluruhan Pengeluaran BTB Tahun 2022 :214,317/m.t (18.36 m.t/ha)

Kumpulan Perladangan KOSMA mencatatkan pengeluaran BTB berjumlah 214,317 mt. dalam tahun 2022 (Tahun 2021 : 220,759 mt). Purata pengeluaran hasil adalah 18.36 mt/ha (2021 : 18.00 mt/ha).

Perbandingan Purata Hasil KOSMA, Pahang dan Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2020 sehingga Tahun 2022

TAHUN	18.30 mt/ha	17.30 mt/ha	17.80 mt/ha
2020	18.00 mt/ha	15.40 mt/ha	16.20 mt/ha
2022	18.36 mt/ha	16.37 mt/ha	16.41 mt/ha

9.2 Wujud Wawasan Sdn Bhd

9.2.1 Prestasi Kewangan

Wujud Wawasan Sdn Bhd (WWSB) (Ekuiti dimiliki oleh KOSMA sebanyak 49%) adalah merupakan sebuah syarikat bersekutu yang menguruskan Kilang Sawit KOSMA. Sehingga 31 Disember 2022, kedudukan kewangan WWSB berbanding tahun 2021 adalah seperti berikut :

	2022 (RM)	2021 (RM)
Aset Bukan Semasa (Non-current assets)	7,284,641	6,357,801
Aset Semasa (Current Assets)	37,647,477	38,577,006
Liabiliti (Liabilities)	(23,539,456)	(23,818,930)
Aset Semasa Bersih (Net current assets)	22,834,838	23,008,561
Modal Berbayar (Share capital)	5,250,000	5,250,000
Keuntungan Terkumpul (Retained earnings)	16,142,662	15,865,877
	18,845,150	20,144,593

Daripada segi keuntungan pula berbanding tahun 2021 adalah seperti dinyatakan di bawah :

	2022 (RM)	2021 (RM)
Keuntungan Sebelum Cukai (Profit Before Tax)	5,732,775	6,612,705
Cukai (Tax)	(1,255,990)	(1,550,010)
Keuntungan Selepas Cukai (Profit After Tax)	4,476,785	5,062,695
Dividen sesaham (sen)	200	325

9.2.2 Rekod bayaran dividen diterima

Tahun	Dividen Diterima (RM)	Kadar Dividen Sesaham (Sen)
2022	3,937,500	075
2021	4,200,000	080
2020	3,150,000	060

10.0 **RUMUSAN**

Dalam memajukan KOSMA ini, komponen-komponen utama iaitu ALK, Pengurusan dan Anggota perlu memahami bahawa tujuan penubuhan koperasi adalah untuk kepentingan sosio ekonomi bersama dan bukannya untuk kepentingan seseorang individu dan juga segelintir kumpulan dikalangan anggota.

Pentadbir telah mencuba sedaya upaya untuk menguruskan KOSMA ini seperti mana arahan yang diberikan oleh SKM. Pembaikan-pembaikan yang dibuat sekarang dengan kerjasama semua pihak terutama oleh pengurusan KOSMA. Beberapa tindakan pembetulan oleh pentadbir yang telah di ambil terutama seperti pemutihan anggota, kawalan perbelanjaan, bajet, pemberian dividen serta tadbir urus di KOSMA supaya aktiviti KOSMA dapat berjalan seperti biasa dan tidak mengabaikan kepentingan dan kebijakan anggota-anggotanya.

Pentadbir percaya penuh dengan ALK baru dilantik dapat mentadbir dengan baik dalam menguruskan KOSMA dan mendoakan supaya ALK baru dapat meneruskan tadbir urus KOSMA dengan lebih cemerlang.

11.0 **PENGHARGAAN**

Pentadbir mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Pentadbir, anggota-anggota, pegawai dan kakitangan serta semua pihak yang terlibat dalam perjuangan dan usaha mempertingkatkan kemajuan KOSMA.

**■ AGENDA : 4
KERTAS BIL : KMA.04/2022**

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat agung mengenai Laporan dan Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 bagi Koperasi, Unit Ladang serta subsidiarinya jika ada, termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan laporan juruaudit.

2.0 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi, Unit Ladang dan juga subsidiarinya adalah seperti dalam **Buku Laporan dan Penyata Kewangan**.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat agung adalah dipohon untuk menimbang serta menerima Penyata Kewangan Teraudit Koperasi, Unit Ladang dan juga subsidiarinya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 seperti di dalam Buku Laporan dan Penyata Kewangan yang diedarkan.

■ AGENDA : 5 KERTAS BIL : KMA.05/2022

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2023 DAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2024

1.0 **TUJUAN**

Kertas ini adalah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat agung mengenai:-

- 1.1 Pindaan belanjawan untung rugi koperasi 2023 dan belanjawan untung rugi koperasi 2024.
- 1.2 Pindaan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2023 dan belanjawan untung rugi Unit Ladang 2024.
- 1.3 Pindaan belanjawan aset tetap 2023 dan belanjawan aset tetap 2024.

2.0 **BELANJAWAN AKAUN UNTUNG RUGI KOPERASI**

- 2.1 Pindaan belanjawan untung rugi Koperasi bagi tahun 2023 dan belanjawan untung rugi koperasi 2024 adalah seperti di **Lampiran A**.
- 2.2 Pindaan belanjawan akaun untung rugi Unit Ladang bagi tahun 2023 dan belanjawan untung rugi unit ladang 2024 adalah seperti di **Lampiran B**.
- 2.3 Pindaan belanjawan Aset Tetap Ibu Pejabat, Ar Rahnu dan Ladang bagi tahun 2023 dan belanjawan Aset Tetap Ibu Pejabat, Ar Rahnu dan Ladang bagi tahun 2024 adalah seperti di **Lampiran C**.

3.0 **KEPUTUSAN**

Mesyuarat agung adalah dipohon untuk menimbang serta meluluskan semua pindaan anggaran belanjawan tahun 2023 dan anggaran belanjawan tahun 2024.

LAMPIRAN 'A'**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN UNTUNGRUGI KOPERASI
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

	Belanja Sebenar 2022 RM	Bajet 2023 RM	Pindaan Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
PENDAPATAN				
PENDAPATAN DARIPADA AKTIVITI:				
PERLADANGAN				
Keuntungan ladang	70,796,676	20,078,553	20,622,634	21,197,710
Yuran pengurusan ladang	13,569,587	4,648,372	4,744,223	4,845,535
Yuran pengeluaran hasil	3,214,752	3,200,000	3,200,000	3,200,000
Tapping Right	-	-	-	-
	87,581,015	27,926,925	28,566,857	29,243,245
PELABURAN				
Dividen syer/ Pendapatan Pelaburan	7,301,012	2,000,000	7,000,000	7,000,000
Faedah simpanan tetap	619,176	2,000,000	1,000,000	1,000,000
	7,920,188	4,000,000	8,000,000	8,000,000
PAJAK GADAI AR-RAHNU	2	1,843,603	1,619,800	2,272,800
				2,575,300
PELBAGAI PENDAPATAN				
Yuran anggota	10,800	10,000	6,000	6,000
Hibah bank - akaun semasa	370,235	300,000	300,000	300,000
Pelbagai	57,073	250,000	50,000	50,000
Sewa	245,960	300,000	300,000	300,000
	684,067	860,000	656,000	656,000
JUMLAH PENDAPATAN		98,028,874	34,406,725	39,495,657
				40,474,545
PERBELANJAAN				
Kos Jualan/Kos Aktiviti				
Kawasan Lebihan Usaha (Belanja Tapping Right)	48,023	-	-	-
Kos Langsung (Ar Rahnu)	745,477	638,400	873,800	1,012,300
PERBELANJAAN PENTADBIRAN				
Perbelanjaan Pentadbir (3 a)	391,087	107,500	215,461	-
Perbelanjaan Anggota Lembaga (3 b)	1,256	868,000	520,300	880,300
Perbelanjaan JKAD (3 c)	79	175,000	91,000	142,000
Perbelanjaan Lain-lain Jawatankuasa	-	150,000	30,000	60,000
Perbelanjaan Anggota Kosma	45,819	200,000	200,000	200,000
Perbelanjaan Pentadbiran	10,099,056	13,075,944	14,220,200	12,721,700
Susutnilai aset	1,725,057	2,000,000	2,000,000	2,000,000
	12,262,354	16,576,444	17,276,961	16,004,000
Jumlah Perbelanjaan		13,055,854	17,214,844	18,150,761
				17,016,300
KEUNTUNGAN BERSIH (A)		84,973,021	17,191,881	21,344,896
				23,458,245

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaktarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN UNTUNGRUGI AR-RAHNU
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

	Belanja Sebenar 2022 RM	Bajet 2023 RM	Pindaan Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
PENDAPATAN				
Upah simpan	1,825,959	1,600,000	2,250,000	2,550,000
Daftar ahli	14,100	7,600	9,000	11,000
Lain-lain Pendapatan	3,544	2,100	3,700	4,200
	1,843,603	1,609,700	2,262,700	2,565,200
KOS LANGSUNG				
Gaji, bonus dan elauan kakitangan	475,900	350,000	520,000	630,000
KWSP, PERKESO dan SIP	76,366	60,000	85,000	110,000
Penyelenggaraan bangunan	11,777	16,500	16,500	16,500
Insuran bangunan	116,719	135,000	162,000	160,000
Insuran kakitangan	34,394	38,000	43,000	43,000
Lesen perniagaan	1,675	1,400	1,800	1,800
Susutnilai	29,084	30,000	35,000	40,000
Penyelenggaraan peralatan operasi	7,488	7,500	10,500	11,000
	753,403	638,400	873,800	1,012,300
KEUNTUNGAN KASAR	1,090,200	971,300	1,388,900	1,552,900
PENDAPATAN LAIN				
Hibah bank	-	10,100	10,100	10,100
	1,090,200	981,400	1,399,000	1,563,000
PERBELANJAAN				
Elaun perjalanan dan penginapan kakitangan	3,271	2,500	5,000	5,500
Percetakan	25,647	20,000	33,000	35,000
Alatulis	2,128	2,500	3,000	4,500
Peralatan ICT	1,393	2,500	3,000	4,500
Belanja Covid-19	4,453	5,000	6,000	6,000
Perbelanjaan pejabat	4,643	9,000	9,000	10,000
Telefon, pos dan setem	24,106	24,000	30,000	33,000
Elektrik	11,683	12,000	15,000	15,000
Air	1,576	2,500	3,000	3,000
Elaun mesyuarat lain-lain jawatankuasa	-	-	-	-
Promosi	2,598	60,000	60,000	55,000
Kawalan keselamatan	186,850	180,000	200,000	200,000
Letak kenderaan	5,822	5,194	5,800	5,800
Perubatan	9,249	21,000	21,000	21,000
Belanja mesyuarat dan perjalanan ajk	318	4,000	4,000	4,000
Caj bank	149	450	450	450
Kursus dan seminar	594	5,000	5,000	5,000
Tuntutan kerja lebih masa kakitangan	1,260	2,500	3,000	3,000
Alarm System Service	1,725	1,800	1,800	1,800
System Service	36,000	36,000	36,000	36,000
Alat Pengudaraan Asid Service	-	-	-	-
Uniform kakitangan	770	-	1,000	1,000
Indah Water	-	-	350	350
Penyelenggaraan peralatan pejabat	8,220	-	10,000	10,000
Servis Tax (SST)	18	-	-	-
Levi HRDF	1,259	-	800	800
Yuran Profesional	5,270	-	6,000	6,000
Perasmian Ar Rahnu	-	-	-	-
	339,000	395,944	462,200	466,700
(Kerugian)/Keuntungan bersih bagi tahun	751,200	585,456	936,800	1,096,300

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN PERBELANJAAN PENTADBIRAN
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

	Belanja Sebenar 2022 RM	Bajet 2023 RM	Pindaan Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
(3a) Perbelanjaan Pentadbir				
Saraan Pentadbir	285,159	64,500	186,827	-
Elaun mesyuarat pentadbir	23,440	3,000	8,000	-
Insurans pentadbir	44,287	10,000	10,885	-
Pelbagai perbelanjaan pentadbir	38,200	30,000	9,749	-
	391,087	107,500	215,461	-
(3b) Perbelanjaan Lembaga				
Elaun kerja anggota lembaga	-	150,000	-	-
Elaun mesyuarat anggota lembaga	-	108,000	360,000	720,000
Insurans anggota lembaga	1,256	110,000	110,000	110,000
Pelbagai perbelanjaan anggota lembaga	-	500,000	50,300	50,300
	1,256	868,000	520,300	880,300
Perbelanjaan JK Audit Dalam				
Perbelanjaan jawatankuasa audit dalam	-	100,000	-	-
Elaun khidmat jawatankuasa audit dalam	-	25,000	-	-
Elaun mesyuarat jawatankuasa audit dalam	-	10,000	51,000	102,000
Insurans jawatankuasa audit dalam	79	40,000	40,000	40,000
	79	175,000	91,000	142,000
Perbelanjaan Lain-lain Jawatankuasa dan Anggota				
Elaun mesyuarat lain-lain jawatankuasa	-	100,000	30,000	60,000
Elaun perjalanan dan belanja lain-lain jawatankuasa	-	50,000	-	-
Perbelanjaan anggota	45,819	-	-	-
	45,819	150,000	30,000	60,000
Perbelanjaan Pentadbiran Ibu Pejabat				
Gaji, bonus dan elauan kakitangan	3,704,554	5,000,000	5,000,000	5,000,000
KWSP & PERKESO & SIP	577,208	800,000	800,000	800,000
Elaun perjalanan & penginapan kakitangan	108,435	100,000	150,000	100,000
Perubatan	133,377	250,000	250,000	250,000
Levi HRDF	21,141	50,000	50,000	20,000
Cukai pintu dan tanah	172,222	200,000	200,000	200,000
Derma dan sumbangan	2,392,094	500,000	800,000	800,000
Iklan, majalah dan akhbar	40,709	100,000	100,000	100,000
Percetakan	51,471	100,000	100,000	100,000
Alatulis	10,640	30,000	30,000	30,000
Peralatan ICT	4,415	20,000	20,000	20,000
Perbelanjaan pejabat	15,152	25,000	25,000	25,000
Telefon, pos dan setem	29,435	60,000	60,000	60,000
Elektrik	44,614	60,000	60,000	60,000
Air	1,868	5,000	5,000	5,000
Keraian	12,352	30,000	387,000	30,000
Belanja mesyuarat	47,040	50,000	60,000	50,000
Jamuan hariraya/Majlis Rasmi	34,252	100,000	100,000	100,000
Kebajikan pekerja	737,234	100,000	577,000	100,000
Denda dan kompaun	136	5,000	5,000	5,000
Insuran bangunan	48,729	70,000	70,000	70,000
Insuran perubatan dan kemalangan	149,012	350,000	350,000	350,000
Insuran dan cukai jalan	10,542	30,000	30,000	30,000
Lesen	-	3,000	3,000	3,000
Komisen dan caj bank	5,923	20,000	20,000	20,000
Kursus,seminar dan latihan	74,924	300,000	300,000	300,000

Penyelenggaraan bangunan & hartanah	2 81,303	300,000	3 00,000	300,000
Penyelenggaraan kenderaan	25,856	50,000	50,000	50,000
Penyelenggaraan pejabat	29,753	65,000	392,000	65,000
Penyelenggaraan sistem	3,479	35,000	35,000	35,000
Kawalan keselamatan pejabat	-	60,000	-	-
Yuran akaun dan cukai	103,575	250,000	250,000	250,000
Yuran guaman	288,485	200,000	300,000	200,000
Yuran juruaudit luar	128,260	200,000	150,000	150,000
Yuran profesional	155,764	180,000	180,000	180,000
Tol dan letak kenderaan	10,674	10,000	10,000	10,000
Petrol dan diesel	15,541	50,000	50,000	50,000
Pengambaran / fotografi	-	10,000	10,000	10,000
Tuntutan balik perbelanjaan kerja lebih masa	20,325	50,000	50,000	50,000
Pelbagai perbelanjaan	94,782	100,000	477,000	100,000
Perbelanjaan mesyuarat agung	-	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Pembentungan	-	2,000	2,000	2,000
Elaun Telefon Kakitangan	-	-	-	-
Pemberian Pampasan kakitangan	-	-	-	-
Baju Rasmi KOSMA	42,045	100,000	100,000	25,000
Service Tax (SST)	66,840	100,000	100,000	100,000
Saguhati Kakitangan	-	-	-	200,000
Belanja Covid-19	33,373	-	-	300,000
Proses Tanah	-	10,000	200,000	-
Zakat Perniagaan	3,000,000	1,000,000	-	-
Belanja Penginapan	24,461	50,000	50,000	50,000
12,752,130 12,680,000 13,758,000 12,255,000				
13,190,371 13,980,500 14,614,761 13,337,300				

LAMPIRAN 'B'**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN PERBELANJAAN UNTUNGRUGI LADANG
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

	Belanja Sebenar 2022 RM	Bajet 2023 RM	Pindaan Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
PENDAPATAN				
Jualan BTB	221,980,344	117,500,000	129,250,000	129,250,000
Pelbagai	37,947	-	-	-
Jumlah pendapatan	222,018,291	117,500,000	129,250,000	129,250,000
PERBELANJAAN MENGURUS LADANG				
Kawasan matang	40746871.12	44060068	53707220	52974760
	40,746,871	44,060,068	53,707,220	52,974,760
KEUNTUNGAN KASAR				
	181,271,420	73,439,932	75,542,780	76,275,240
Perbelanjaan am	43541054	24461470	27155618.5	25719950
Susutnilai	1747493.82	2217243	2142243	2099940
Covid-19	286999.44	277500	-	-
	45,575,547	26,956,213	29,297,862	27,819,890
Keuntungan bersih sebelum Rizab Am Ladang dan Yuran Pengurusan	135,695,873	46,483,719	46,244,918	48,455,350
Tolak:				
Yuran Pengurusan kepada Koperasi (10%)	13,569,587	4,648,372	4,624,492	4,845,535
Keuntungan Bersih Sebelum Rizab Am Ladang	122,126,286	41,835,347	41,620,427	43,609,815
Tolak :				
Rizab Am Ladang	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000
Pelarasian rezab am Ladang	(124,667)	-	-	-
Keuntungan Bersih Selepas Rezab Am	112,250,953	31,835,347	31,620,427	33,609,815
Keuntungan bersih dipindah ke Akaun untungrugi Koperasi	70,796,676	20,078,553	19,943,003	21,197,710
	63.07%	63.07%	63.07%	63.07%
Keuntungan bersih dipindah ke Akaun untungrugi Terkumpul Unit Ladang	41,454,277	11,756,794	11,677,424	12,412,105
	36.93%	36.93%	36.93%	36.93%

LAMPIRAN 'C'**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD**

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN ASET TETAP IBU PEJABAT
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

Perkara	Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
1 Perabot dan Peralatan Pejabat	300,000	300,000
2 Perkakasan dan perisian komputer	300,000	300,000
3 Kenderaan	740,000	200,000
4 Tanah	5,000,000	5,000,000
5 Pengubahsuaian	200,000	200,000
Jumlah	6,540,000	6,000,000

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN ASET TETAP LADANG
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024****BAJET 2023 (PINDAAN)**

PERKARA	LGJ	LGJ (HEK)	LSK	LBS	LK6	LK7	LK8	LK9	JUMLAH
Jalan Dan Jambatan	330,000	-	390,000	120,000	978,000	-	195,000	-	2,013,000
Bangunan	1,270,000	11,790,000	560,000	1,824,200	897,000	980,000	1,761,000	785,000	19,867,200
Loji Dan Jentera	-	200,000	-	50,000	205,000	-	550,000	70,000	1,075,000
Peralatan Pejabat	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perabot & Kelengkapan	-	180,000	5,000	-	121,000	-	5,000	-	361,000
IT	6,000	10,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	52,000
Bahan Kimia	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Rumah Rehat	-	100,000	-	-	-	-	-	-	100,000
Kenderaan	200,000	187,000	-	-	-	-	180,000	7,000	574,000
Senjata Api	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,806,000	12,467,000	961,000	2,000,200	2,207,000	986,000	2,697,000	868,000	23,992,200

BAJET 2024

PERKARA	LGJ	LGJ (HEK)	LSK	LBS	LK6	LK7	LK8	LK9	JUMLAH
Jalan	-	-	-	-	600,000	-	-	-	600,000
Bangunan	1,615,000	11,040,000	950,000	1,894,200	1,275,000	980,000	1,856,000	950,000	20,560,200
Jentera & Kenderaan	-	200,000	-	100,000	205,000	-	510,000	75,000	1,090,000
Peralatan Pejabat	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perabot & Kelengkapan	-	300,000	5,000	5,000	121,000	2,000	5,000	80,000	518,000
IT	10,000	70,000	5,000	-	5,000	5,000	5,000	7,500	107,500
Bahan Kimia	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Rumah Rehat	-	100,000	-	-	-	-	-	-	100,000
Kenderaan	-	9,000	-	-	-	-	150,000	10,000	169,000
Senjata Api	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,625,000	11,719,000	960,000	1,999,200	2,206,000	987,000	2,526,000	1,122,500	23,144,700

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PINDAAN BELANJAWAN ASET TETAP AR-RAHNU
BAGI TAHUN 2023 DAN BAJET 2024**

Perkara	Bajet 2023 RM	Bajet 2024 RM
1) KUANTAN		
Ubahsuai	500,000	400,000
Perkakasan dan perisian komputer	50,000	50,000
Perabot dan peralatan pejabat	200,000	200,000
JUMLAH	750,000	650,000
2) CAWANGAN TEMERLOH		
Ubahsuai	100,000	100,000
Perkakasan dan perisian komputer	30,000	30,000
Perabot dan peralatan pejabat	30,000	30,000
JUMLAH	160,000	160,000
JUMLAH BESAR	910,000	810,000

**■ AGENDA : 6
KERTAS BIL : KMA.06/2022**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN
YANG DIBIAYAI OLEH WANG LEBIHAN KOPERASIINI**

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan mesyuarat agung untuk memberi kuasa kepada Lembaga KOSMA mengenai had pelaburan sejumlah RM50 Juta menurut Undang-undang Kecil 66 (2) :-

- 1.1 Mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara atau mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- 1.2 Syer mana-mana Koperasi lain;
- 1.3 Apa-apa pelaburan dan sekuriti lain pada masa ini dibenarkan di bawah mana-mana Undang-undang bertulis bagi Wang Amanah ; atau
- 1.4 Lain-lain pelaburan atau kegiatan yang dibenarkan oleh Undang-undang Kecil.

2.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat agung adalah dipohon untuk meluluskan had pelaburan di atas serta memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan berkenaan

**■ AGENDA : 7
KERTAS BIL : KMA.07/2022****MENENTUKAN HAD MAKSUM KETERHUTANGAN KOPERASI****1.0 TUJUAN**

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan mesyuarat agung untuk menentukan Had Maksimum pinjaman KOSMA mengikut Peraturan 12 (1) (i) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 serta Undang-undang Kecil 65 (1), (3) dan seterusnya memberi kuasa kepada Anggota Lembaga KOSMA untuk mendapatkan pinjaman daripada mana-mana Institusi Kewangan tertakluk kepada had maksima pinjaman yang diluluskan.

2.0 KEMUDAHAN KREDIT

Untuk tujuan pelaburan dan kemungkinan permohonan / pembelian tanah baru adalah dicadangkan supaya mesyuarat agung meluluskan had pinjaman sebanyak RM50 Juta.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat agung adalah dipohon memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM50 Juta, sekiranya perlu, daripada mana-mana institut kewangan berdaftar.

**■ AGENDA : 8
KERTAS BIL : KMA.08/2022****MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023****1.0 TUJUAN**

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan mesyuarat agung untuk melantik suatu panel yang terdiri daripada lima Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi mengikut Peraturan 12(1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995.

2.0 CADANGAN PENTADBIR KOSMA

Pentadbir mencadangkan firma-firma akauntan bertauliah berikut yang berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) dilantik sebagai panel Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi mengikut Peraturan 12 (1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 :

- a) Tetuan Afrizan & Associates
- b) Tetuan Norila & Associates
- c) Price Waterhouse Coopers
- d) Tetuan Afrizan, Tarimili Khairul Azhar (AFTAAS)
- e) KPMG Desa Megat & Co.
- f) MNZWAJA Associates

3.0 KEPUTUSAN

- (i) Mesyuarat agung adalah dipohon untuk meluluskan pelantikan panel Juruaudit seperti dinyatakan di Para 2 di atas mengikut kehendak Peraturan 12 (1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995.
- (ii) Mesyuarat Agung bersetuju memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik salah satu panel daripada firma-firma Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi dan Syarikat Subsidiari bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

■ **AGENDA : 9**
KERTAS BIL : KMA.09/2022

MELULUSKAN

- I. ATURAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOPERASI**
- II. ATURAN ELAUN, SARAAN DAN KEBAJIKAN**
- III. ATURAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

1.0 **TUJUAN**

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan mesyuarat agung bagi meluluskan :

- i. Cadangan Pindaan Keseluruhan Undang-undang Kecil KOSMA Selaras dengan undang-undang kecil seragam yang disediakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- ii. Aturan Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- iii. Aturan Elaun, Saraan dan Kebajikan
- iv. Aturan Jawatankuasa Audit Dalaman

(Rujuk Buku Cadangan Pindaan Undang-undang Kecil dan Aturan)

**■ AGENDA : 10
KERTAS BIL : KMA.10/2022****PELANTIKAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA****A. USUL PELANTIKAN DUA ORANG WAKIL KERAJAAN NEGERI PAHANG DALAM ANGGOTA LEMBAGA YANG DICALONKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG****1.0 TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan mesyuarat agung terhadap usul memilih dan melantik secara sebulat suara dua orang wakil kerajaan Negeri Pahang sebagai anggota Lembaga KOSMA.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Mengikut UUK 35 KOSMA, pengelolaan dan pengurusan KOSMA hendaklah terserah kepada satu Anggota Lembaga yang mengandungi tidak lebih daripada 11 orang yang dipilih dan dilantik.
- 2.2 Tatacara pemilihan dan perlantikan dua orang anggota Lembaga mewakili Kerajaan Negeri Pahang dalam Lembaga KOSMA hendaklah mengikut sebagaimana UUK 35 KOSMA.

3.0 KEPUTUSAN

Bahawa Mesyuarat Agung kali ke 38 Koperasi Serbausaha Makmur Berhad yang bersidang pada hari ini (24 Jun 2023) bersetuju memilih dan melantik (2) dua orang wakil kerajaan yang telahpun menjadi anggota KOSMA melebihi 2 tahun yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri iaitu :

- i. Akan dimaklumkan.
- ii. Akan dimaklumkan.

Dengan sebulat suara sebagai anggota Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad untuk tempoh selama 1 tahun mulai tarikh Mesyuarat Agung Tahunan hari ini.

B. MEMILIH SEMBILAN (9) ORANG ANGGOTA LEMBAGA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 37 (1) satu pertiga daripada anggota Lembaga yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- 1.2 Walau bagaimana pun, terdapat sembilan (9) kekosongan anggota Lembaga yang akan dipertandingkan dalam pemilihan anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini :-
 - a. Tiga (3) orang calon yang mendapat kedudukan terendah iaitu 7 hingga 9 hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada mesyuarat agung akan datang.
 - b. Manakala calon yang mendapat kedudukan ke 4 hingga 6 hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada Mesyuarat Agung tahun 2025.
 - c. Calon yang memperolehi undian tertinggi iaitu di kedudukan 1 hingga 3 hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada Mesyuarat Agung tahun 2026.

2.0 ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

Pemilihan sembilan (9) orang anggota Lembaga akan dijalankan secara Undi Sulit menurut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil 36 serta aturan-aturan yang dibuat di bawahnya.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat agung yang bersidang pada hari ini (24 Jun 2023) adalah dipohon untuk: **Memilih** sembilan (9) orang Anggota Lembaga.

**■ AGENDA : 11
KERTAS BIL : KMA.11/2022**

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN
ATAU URUSAN PERNIAGAAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU
NOTIS BERTULIS TIDAK KURANG DARIPADA 7 HARI TELAH DIBERIKAN.**

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dibentangkan adalah bagi mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau urusan perniagaan lain koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.

Akan Diedarkan Berasingan (Sekiranya Ada).



Penghargaan

Pentadbir
dan Pengurusan
**KOOPERASI SERBAUSAHA
MAKMUR BERHAD
(KOSMA)**

mengucapkan
settinggi-tinggi
penghargaan dan
terima kasih kepada
semua pihak yang terlibat
sama ada secara langsung
atau tidak langsung
bagi menjayakan
Mesyuarat Agung Tahunan
KOSMA kali ke 38 ini.